RISALAH IMAM JA'FAR Al-SADIQ A.S KEPADA PARA SAHABATNYA

(Raudhah al-Kafi, oleh al-K ulaini, Beirut, 1985, viii, hlm 2-13)
wafat 328 /329 Hijrah

Profesor I r. Lutpi Ibrahim,
Univer iti Malaya

ΦΦΦΦΦ ΦΦΦΦΦΦ ΦΦΦΦ ΦΦΦΦ 14 ΦΦΦΦΦΦ ΦΦΦΦΦΦ ΦΦΦΦΦ
1996

RISALAH IMAM JA'FAR AL-SADIQ A.S KEPADA PARA SAHABATNYA

(Raudhah al-Kafi, oleh al-Kulaini, Beirut, 1985, viii, hlm 2-13)
wafat 328/329 Hijrah

Profesor Dr. Lutpi Ibrahim,
Universiti Malaya

φφφφφ φφφφφφ φφφφ φφφφ 14 φφφφφφ φφφφφφ φφφφφ
1996

RISALAH IMAM JA'FAR Al-SADIQ A.S KEPADA PARA SAHABATNYA
(al-Raudhah al-Kafi, hlm, 2-13)

Bismillahir Rahmanir Rahim

1. Muhammad bin Ya'qub al-Kulaini berkata: Ali bin Ibrahim telah memberitahu aku daripada bapanya, daripada Ibn Fadhdhal, daripada Hafs al-Mu'adhdhin, daripada Abu Abdullah a.s, dan daripada Muhammad bin Ismail bin Badhi', daripada Muhammad bin Sinan, daripada Ismail bin Jabir, daripada Abu Abdullah a.s bahawa beliau telah menulis risalah ini kepada para sahabatnya, dan memerintahkan mereka supaya mengkajinya, membuat perjanjian dengannya, dan beramal dengannya. Mereka meletakkannya di musala-musala rumah mereka, dan apabila selesai solat, mereka membacanya.

Beliau berkata: Al-Hasan bin Muhammad telah memberitahu aku, daripada Ja'far bin Muhammad bin Malik al-Kufi, daripada al-Qasim bin Rabi' al-Sahaf, daripada Ismail bin Mukhallad al-Sarraj, daripada Abu Abdullah a.s, berkata: Risalah ini adalah daripada Abu Abdullah a.s kepada para sahabatnya:

Bismillahir Rahmanir Rahim

Amma ba'd, adapun kemudian daripada itu, maka pohonlah afiat daripada Tuhan kamu, bawa bertenang, bersifat malu, dan bersihkan diri kamu daripada kekejian (*tanazzuh*) sebagaimana telah dilakukan oleh orang-orang yang soleh sebelum kamu.

Layanilah ahli kebatilan (*ahlu al-Batil*) dengan budi bahasa, bersabarlah dengan kezaliman yang dilakukan oleh mereka. Jauhilah kamu dari memarahi mereka (*mumazata-hum*). Jagalah peradaban apabila kamu bergaul dan berbincang dengan mereka, kerana kamu tidak dapat mengelakkan diri kamu dari bergaul dan berbincang dengan mereka walaupun secara *taqiyyah* sebagaimana telah diperintahkan oleh Allah di antara kamu dan mereka.

Dan apabila kamu diuji oleh mereka, maka mereka akan menyakiti kamu, dan kamu dapat mengetahui penentangan di muka-muka mereka. Jikalaulah Allah tidak menolak mereka daripada kamu, nescaya mereka akan memusnahkan kamu, kerana permusuhan dan

kemarahan yang terdapat di dada-dada mereka adalah lebih besar dari apa yang mereka zahirkan terhadap kamu. Majlis kamu dan majlis mereka adalah satu, tetapi roh-roh kamu, dan roh-roh mereka adalah berbeza, dan tidak akan bersatu; kamu tidak akan mencintai mereka selama-lamanya, dan mereka juga tidak akan mencintai kamu, tetapi Allah telah memuliakan kamu dengan kebenaran dan memperlihatkannya kepada kamu.

Sebaliknya Allah tidak menjadikan mereka daripada ahli kebenaran. Justeru itu, layanilah mereka dengan budi bahasa (*tujamiluuna-hum*) sekalipun mereka tidak mempunyai budi bahasa dan kesabaran di atas sesuatu. [Hati-hatilah] kelicikan dan kewaswasan di kalangan mereka, kerana musuh-musuh Allah, jika mereka mampu, nescaya mereka menghalang kamu dari kebenaran. Maka Allah menjaga kamu daripada demikian itu. Bertakwalah kepada Allah, dan tahanlah lidah kamu melainkan untuk kebaikan.

Jauhilah lidah kamu dari tergelincir dengan kata-kata pembohongan, dosa dan permusuhan, kerana jika kamu menahan lidah kamu dari apa yang dilarang oleh Allah, adalah lebih baik bagi kamu di sisi Tuhan kamu. Kerana tergelincirnya lidah pada apa yang dilarang oleh Allah akan membawa kepada kemurkaan-Nya terhadap hamba-Nya. Allah akan menjadikannya pekak, buta dan bisu pada hari Kiamat sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Baqarah (2):18 " *Mereka tuli, bisu dan buta, maka tidaklah mereka kembali* " Iaitu mereka tidak akan bercakap dan firman-Nya di dalam Surah al-Mursalaat(77): 35-36 "*Ini adalah hari yang mereka tidak dapat berbicara, dan tidak diizinkan kepada mereka minta uzur sehingga mereka minta uzur* "

Janganlah kamu melakukan apa yang ditegah oleh Allah. Kamu hendaklah berdiam diri melainkan apa yang Allah menfaatkan kamu daripada urusan akhirat dan Dia akan memberi pahala kepada kamu tentangnya.

Perbanyakkan tahlil, takdis, tasbih, pujian kepada Allah, ibadat kepada-Nya, dan mencintai kebaikan di sisi-Nya yang tidak dapat dicapai hakikatnya oleh seseorang melainkan dengan keredaan-Nya. Justeru itu, sibukkan lidah kamu dengan perkara-perkara tersebut. Dan jauhilah dari percakapan batil yang membuatkan pelakunya kekal di neraka jika dia mati tanpa taubat.

Hendaklah kamu sentiasa berdoa, kerana muslimin tidak akan mencapai kejayaan hajat mereka di sisi Tuhan yang lebih baik dari berdoa kepada-Nya. Justeru itu, sahutilah seruan Allah, nescaya kamu mendapat kejayaan dan selamat daripada azab Allah.

Jauhilah dari membiarkan diri kamu tamak kepada apa yang telah diharamkan oleh Allah ke atas kamu, kerana barangsiapa melanggari apa yang diharamkan oleh Allah ke atasnya di dunia, maka Allah akan

menghalangnya syurga, nikmatnya, kelazatannya dan kemuliaannya yang abadi.

Ketahuilah bahawa sesungguhnya sejahat-jahat habuan yang merbahaya adalah meninggalkan ketaatan kepada Allah dan melakukan maksiat. Justeru itu, beliau memilih untuk melanggari apa yang dilarang oleh Allah di dalam kelazatan dunia yang akan hilang daripada nikmat syurga yang berkekalan.

Celaka bagi mereka, alangkah ruginya habuan mereka, dan alangkah jahatnya keadaan mereka di sisi Tuhan mereka pada hari Kiamat. Pohonlah perlindungan daripada Allah supaya Dia melindungi kamu dari melakukan perbuatan sebagaimana mereka lakukan, atau menguji kamu sebagaimana Dia menguji mereka. Tiada kekuatan bagi kami dan kamu melainkan dengan-Nya.

Wahai golongan yang berjaya, sekiranya Allah menyempurnakan untuk kamu sebagaimana Dia lakukan kepada para salihin sebelum kamu, nescaya kamu akan diuji pada diri kamu dan harta kamu sehingga kamu mendengar daripada musuh Allah perkara- perkara yang menyakitkan hati kamu. Lantaran itu, kamu hendaklah bersabar sekalipun mereka menghina kamu, memarahi kamu sehingga kamu menanggung kezaliman mereka kerana inginkan keredaan Allah dan negeri akhirat.

Kamu hendaklah memendamkan kemarahan kamu kerana keburukan yang dilakukan kepada kamu kerana Allah, sekalipun mereka membohongi kebenaran dan memusuhi kamu tentangnya dan memarahi kamu kerananya.

Justeru itu, bersabarlah di atas semua itu daripada mereka sebagai membenarkan kitab Allah yang telah diturunkan oleh Jibrail ke atas Nabi kamu s.a.w. Kamu telah mendengar firman Allah kepada Nabi-Nya di dalam Surah al-Ahqaf (46) : 35 " *Maka bersabarlah kamu seperti orang-orang yang mempunyai keteguhan hati dari rasul-rasul telah bersabar dan janganlah kamu meminta supaya disegerakan (azab) bagi mereka*"

Kemudian Dia berfirman di dalam Surah al-Fatir (35) : 24 " *Dan jika mereka mendustakan kamu, maka orang-orang sebelum mereka telah mendustakan (rasul-rasul*" Dan firman-Nya di dalam Surah al-An'am (6) :34" *mereka bersabar terhadap pendustaan dan kezaliman yang dilakukan terhadap mereka*"

Sesungguhnya para nabi dan para rasul sebelum kamu telah dibohongi dan disakiti, kerana rahsia kamu adalah urusan Allah pada mereka. Dia telah menciptakan mereka untuk kekafiran pada asal kejadian mereka, pada ilmu Allah dikalangan mereka yang dinamakan Allah di dalam kitab-Nya Surah al-Qasas (28): 41" *Dan kami jadikan mereka pemimpin-peminpin yang menyeru kepada neraka*"

Lantaran itu, renunglah, fikirlah dan janganlah kamu mengabaikannya kerana orang yang mengabaikannya dan

seumpamanya, maka dia akan meninggalkan agama Allah dan melakukan maksiat. Lantaran itu, dia berhak kemurkaan Allah dan dimasukkan ke neraka.

Dia berkata: Wahai golongan yang bahagia dan dirahmati, sesungguhnya Allah telah menyempurnakan kebaikan kepada kamu. Sesungguhnya ia bukanlah daripada ilmu Allah dan urusan-Nya jika seorang daripada makhluk-Nya mengambil agamanya dengan hawa nafsu, pendapat dan kias, kerana Allah telah menurunkan al-Qur'an yang menerangkan setiap sesuatu sebagaimanan Dia tidak membenarkan pakar di dalam ilmu al-Qur'an menggunakan hawa nafsu, pendapat dan kias.

Sedangkan mereka adalah *Ahli al-Zikr* yang Allah telah memerintahkan umat ini supaya bertanyakan kepada mereka, dan mereka pula akan menunjukkan umat dan mengajar mereka ilmu al-Qur'an melainkan mereka pada ilmu Allah pada azali adalah mereka yang celaka pada asal kejadian di alam bayangan (*azillah*).

Mereka itulah yang tidak ingin bertanya kepada *ahli zikr* yang dikurniakan oleh Allah ilmu al-Qur'an, dan menjadikan mereka pakar mengenainya dan memerintahkan supaya bertanyakan kepada mereka, tetapi mereka itu mengambil hawa nafsu, pendapat, dan kias sehingga syaitan menguasai mereka. Kerana mereka menjadikan ahli iman (*ahl al-Iman*) di dalam ilmu al-Qur'an di sisi Allah sebagai kafir dan sebaliknya mereka menjadikan ahli kesesatan (*ahl al-Dhalalah*) di dalam ilmu al-Qur'an dan di sisi Allah sebagai mukminin sehingga mereka menjadikan sebahagian yang dihalalkan oleh Allah sebagai haram dan mereka menjadilan sebahagian yang diharamkan oleh Allah sebagai halal.

Ini adalah punca hawa nafsu mereka (*thamaratu ahwa'i-him*). Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah membuat perjanjian dengan mereka sebelum kematinya, tetapi mereka berkata: Kami selepas Allah mematikan Rasul-Nya, maka kami boleh memilih pendapat yang dipersetujui oleh orang ramai (*ra'yu al-Nas*). Ini adalah menyalahi Allah dan Rasul-Nya, kerana tiada seorangpun berani ke atas Allah, dan tiada yang lebih terang kesesatan daripada mereka yang berkata sedemikain.

Mereka menyangka perkara sedemikain boleh dilakukan oleh mereka. Demi Allah, sesungguhnya Allah telah mewajibkan ke atas makhluk-Nya supaya mentaati-Nya dan mematuhi perintah-Nya pada masa hidup Muhammad s.a.w dan selepas kematiannya. Adakah musuh-musuh Allah menyangka bahawa setiap orang yang telah memeluk Islam bersama Muhammad s.a.w bebas mengambil kata-katanya sendiri, pendapatnya dan kiasnya sendiri? Sekiranya dia berkata: Ya, maka sesungguhnya dia telah membohongi Allah dan menjadi sesat dan sekiranya dia berkata: Tidak, maka tiada seorangpun bebas menuruti kata-katanya sendiri, pendapatnya dan kiasnya, maka dia telah mengakui hujah ke atas dirinya sendiri dan termasuk orang

yang berpendapat bahawa Allah ditaati dan dipatuhi perintahnya selepas kematian Rasulullah s.a.w sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3) : 144 "*Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang rasul, sungguh telah berlalu sebelumnya beberapa orang rasul. Apakah jika dia wafat atau dibunuh kamu berbalik ke belakang? Barangsiapa yang berbalik ke belakang, maka ia tidak dapat mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan Allah akan memberi pembalasan kepada orang yang bersyukur*"

Justeru itu, kamu mengetahui bahawa sesungguhnya Allah ditaati dan perintah-Nya dipatuhi pada masa hidup Muhammad s.a.w dan selepas kematiannya sebagaimana tiada seorangpun bersama Muhammad s.a.w bebas menuruti pendapatnya sendiri, hawa nafsunya dan kiasnya menyalahi perintah Muhammad s.a.w (*khilafan li-amri Muhammad*) sebagaimana tiada seorangpun selepas Muhammad bebas menuruti hawa nafsunya, pendapatnya dan kiasnya.

Belia a.s berkata: Janganlah kamu mengangkat tangan kamu di dalam solat melainkan satu kali angkat ketika memulakannya, kerana kamu telah tersohor oleh orang ramai dengan perkara tersebut, Allah adalah penolong dan tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah.

Beliau berkata: Perbanyakkanlah berdoa kepada Allah, kerana Allah suka hamba-hamba-Nya mukminin berdoa kepada-Nya. Dia telah berjanji kepada mereka untuk memperkenankannya. Kepada Allah tempat berakhirnya doa mukminin pada hari Kiamat sebagai amalan yang menambahkan pahala mereka.

Lantaran itu, perbanyakkanlah zikir kadar kemampuan kamu setiap waktu; malam dan siang, kerana Allah telah memerintahkan supaya memperbanyakkan zikir kepada-Nya. Allah mengingati mukmin yang berzikir kepda-Nya dengan baik. Justeru itu berilah kesungguhan di dalam ketaatan kepada-Nya, kerana segala kebaikan di sisi-Nya tidak boleh didapati melainkan dengan ketaatan kepada-Nya, menjauhi segala larangan-Nya zahir dan batin, kerana Allah berfirman di dalam Surah al-An'am(6):120 "*Dan tinggallah dosa yang nampak dan tersembunyi*" Ketahuilah bahawa apa yang diperintahkan oleh Allah supaya kamu menjauhinya, maka sesungguhnya Dia telah mengharamkannya. Justeru itu, ikutilah sunnah Rasulullah s.a.w dan beramallah dengannya.

Janganlah kamu menurut hawa nafsu kamu dan pendapat kamu, nescaya kamu akan sesat, kerana orang yang paling sesat di sisi Allah adalah orang yang menuruti hawa nafsunya dan pendapatnya tanpa petunjuk daripada Allah. Berbuat baiklah kepada diri kamu kadar kemampuan kamu. Jika kamu melakukan sedemikain, maka kamu telah melakukannya untuk kebaikan diri kamu sendiri. Sebaliknya jika kamu melakukan kejahatan, maka ia akan mengenakan diri kamu sendiri.

Bergaullah dengan orang ramai dan janganlah kamu membuatkan mereka mengawasi kamu (*'ala riqabi-kum*). Justeru itu, kamu dapat meneruskan ketaatan kepada Tuhan kamu.

Jauhilah kamu dari mencela (*sabb a'da'i l-Lah*) musuh-musuh Allah ketika mereka mendengar kamu, lantaran itu, mereka akan mencela Allah secara bermusuhan tanpa ilmu. Malah kamu harus mengetahui had celaan mereka kepada Allah apakah ia? Sesungguhnya barangsiapa yang mencela para wali Allah, sesungguhnya dia telah mencela Allah. Siapakah yang lebih zalim di sisi Allah daripada orang yang membuatkan Allah dan para wali-Nya dicela? Lantaran itu, patuhilah perintah Allah, kerana tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah.

Beliau a.s berkata: Wahai golongan yang dijagai Allah akan urusan mereka, hendaklah kamu mematuhi *athar* dan sunnah Rasulullah serta *athar* para imam daripada Ahlu l-Bait Rasulullah s.a.w selepasnya, kerana barangsiapa yang melakukan sedemikian, maka dia mendapat petunjuk dan barangsiapa meninggalkannya serta membencinya, maka dia menjadi sesat. Kerana merekalah yang diperintahkan oleh Allah supaya mentaati mereka dan mewalikan mereka. Bapa kami (*abu-na*) Rasulullah s. a.w telah bersabda: Hendaklah sentiasa beramal dengan *athar* dan sunnah sekalipun sedikit adalah lebih diredai oleh Allah dan lebih bermanfaat dari melakukan ijtihad di dalam perkara bid'ah dan mematuhi hawa nafsu.

Ketahuilah bahawa mematuhi hawa nafsu dan mematuhi bid'ah tanpa petunjuk daripada Allah adalah suatu kesesatan. Setiap kesesatan adalah bid'ah dan setiap bid'ah adalah di neraka. Sesuatu kebaikan tidak akan dicapai melainkan dengan mentaati-Nya. Kesabaran dan keredaan adalah daripada ketaatan kepada Allah.

Ketahuilah kamu semua bahawa sesungguhnya seorang hamba tidak akan beriman (*lan yu'mina*) sehingga dia meredai apa yang dilakukan Allah terhadapnya dan Dia melakukan apa yang Dia mahu dan apa yang Dia benci. Allah tidak akan melakukan sesuatu terhadap orang yang bersabar dan reda kepada-Nya melainkan orang yang layak; iaitu apa yang lebih baik untuknya.

Kamu hendaklah menjaga solat dan solat *al-Wusta* dan berdirilah kepada Allah di dalam keadaan rendah diri sebagaimana Allah perintahkan mukminin dengannya di dalam kitab-Nya sebelum kamu dan kepada kamu. Hendaklah kamu mencintai orang-orang miskin muslimin, kerana barangsiapa yang menghina mereka dan angkuh terhadap mereka, maka dia telah tergelincir daripada agama Allah dan Allah pula menghinanya serta memarahinya.

Bapaku Rasulullah s.a.w bersabda: Allah telah memerintahku supaya mencintai orang-orang Islam yang miskin dan ketahuilah bahawa barangsiapa yang menghina seorang daripada mereka, Allah

akan mencampakkan kemurkaan dan kehinaan ke atasnya dan orang ramai akan memarahinya pula. Lantaran itu, bertakwalah kepada Allah tentang saudara-saudara Islam kamu yang miskin, kerana mereka mempunyai hak ke atas kamu supaya kamu mencintai mereka. Allah telah memerintahkan Rasul-Nya supaya mencintai mereka. Justeru itu, barangsiapa yang tidak mencintai perintah Allah dengan mencintai mereka, maka sesungguhnya dia menderhakai Allah dan Rasul-Nya. Barangsiapa yang menderhakai Allah dan Rasul-Nya, kemudian dia mati di dalam keadaan sedemikian, maka dia telah mati di dalam keadaan sesat.

Janganlah kamu merasa angkuh dan takbur kerana takbur itu adalah pakaian Allah a.w. Barangsiapa yang menentang Allah akan pakaian-Nya, maka Dia akan menentangnya dan menghinanya pada hari Kiamat. Janganlah kamu melakukan kezaliman ke atas orang lain, kerana ia bukanlah daripada sifat orang-orang yang salih. Lagipun kezaliman itu akan kembali kepada diri sendiri. Dan pertolongan Allah adalah untuk mereka yang dizalimi. Barangsiapa yang ditolong oleh Allah akan menang dan kemenangan itu adalah daripada Allah.

Jauhilah perasaan hasad di kalangan kamu, kerana kekufuran asalnya daripada hasad. Jauhilah kamu dari membantu melakukan kezaliman terhadap seorang muslim yang dizalimi, lantas dia berdoa kepada Allah ke atas kamu dan diterima doanya terhadap kamu. Bapa kami Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya doa seorang muslim yang dizalimi itu diterima (*mustajabah*). Sebahagian kamu hendaklah membantu sebahagian yang lain, kerana bapa kami Rasulullah s.a.w bersabda: Sesungguhnya menolong muslim itu adalah lebih baik dan lebih besar pahalanya daripada berpuasa sebulan dan beriktikaf di Masjid Haram.

Jauhilah kamu dari menyusahkan seorangpun di kalangan saudara-saudara mukminin kamu. Sekiranya kamu menyusahkannya dengan sesuatu perkara, maka ia akan berlaku kepada kamu selepasnya, kerana bapa kami Rasulullah s.a.w bersabda: Seorang muslim tidak boleh menyusahkan saudara muslimnya. Dan barangsiapa yang menyusahkannya, maka Allah akan menyiksanya pada hari Kiamat.

Jauhilah, wahai golongan yang dihormati dan dimuliakan, dari menahan hak-hak Allah di sisi kamu hari demi hari, masa demi masa, kerana orang yang menyegerakan hak-hak Allah di sisinya, maka Allah lebih mampu menyegerakan kepadanya kebaikan yang berganda secara cepat atau lambat. Barangsiapa yang memperlambatkan hak-hak Allah di sisinya, maka Allah lebih mampu untuk memperlambatkan rezekinya. Dan barangsiapa yang Allah menahan rezekinya, maka dia tidak mampu untuk mendapatkan rezekinya. Jesteru itu, tunailah kepada Allah akan hak yang dikurniakan kepada kamu dengan kebaikan Allah terhadap

kamu, nescaya Dia akan melaksanakan janji-Nya terhadap kamu dengan berlipat ganda, tanpa diketahui bilangannya melainkan Allah, Tuhan alam semesta.

Beliau berkata: Bertakwalah kepada Allah, wahai golongan yang mulia mengikut kemampuan kamu, janganlah ada di kalangan kamu orang yang meresah atau menyusahkan imam (*muhrij li-l-Imam*) kerana orang yang meresah atau menyusahkan imam adalah orang yang berada bersama mereka yang melakukan kebaikan di kalangan pengikut imam yang mengakui kelebihannya, bersabar di dalam menunaikan haknya, mengetahui kehormatannya.

Ketahuilah kamu sekalian bahawa orang yang melakukan sedemikian adalah orang yang menyusahkan imam. Apabila dia melakukan sedemikian rupa di sisi imam, maka imam turut melaknati orang yang baik di kalangan pengikutnya yang mengakui kelebihannya; bersabar di dalam menunaikan haknya, mengetahui kehormatannya. Apabila imam melaknati mereka bagi menyusahkan musuh Allah, maka laknatnya menjadi rahmat daripada Allah ke atas mereka sehingga laknat daripada Allah, para malaikat dan para rasul-Nya ke atas "mereka".

Ketahuilah kamu, wahai golongan yang dihormati, bahawa sesungguhnya sunnah Allah telah berlaku kepada orang-orang yang salih terdahulu. Dan beliau berkata: Barangsiapa yang ingin berjumpa dengan Allah di dalam keadaan mukmin yang sebenar, maka hendaklah ia mewalikan Allah, para rasul-Nya dan orang-orang yang beriman. Dan hendaklah ia membebaskan dirinya (*li-Yabra'u*) kepada Allah daripada musuh-musuh mereka, menerima kelebihan Ahlu l-Bait a.s kerana kelebihan mereka tidak boleh dicapai oleh malaikat *muqarrab* dan nabi yang diutuskan (Selain daripada nabi Muhammad s.a.w).

Tidakkah kamu mendengar kelebihan pengikut para imam yang mendapat petunjuk dan mereka adalah mukminun sebagaimana disebutkan oleh Allah di dalam Surah al-Nisa' (4): 69 "*mereka itu akan bersama-sama orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah iaitu para nabi, para siddiqin, orang-orang yang mati syahid dan orang-orang salih. Dan mereka itulah teman sebaik-baiknya*". Ini adalah sebahagian daripada kelebihan pengikut-pengikut para imam dan bagaimana dengan para imam sendiri dan kelebihan mereka.

Barangsiapa yang Allah mahu menyempurnakan iman untuknya sehingga menjadi seorang mukmin yang sebenar, maka hendaklah ia menyempurnakan syarat-syarat yang dikenakan ke atas mukminin, kerana Dia telah mensyaratkan bersama-sama wilayah-Nya, wilayah rasul-Nya dan wilayah para imam adalah mendirikan solat, menunaikan zakat, membuat kebaikan, menjauhi perkara mungkar zahir dan batin. Justeru itu tiada lagi yang tertinggal apa yang dijelaskan tentang apa yang diharamkan oleh Allah melainkan termasuk di dalam sabdanya:

Barangsiapa yang melaksanaan syarat-syarat tersebut secara ikhlas tanpa meninggal sesuatupun, maka dia di sisi Allah adalah tergolong di dalam parti-Nya yang menang dan dia adalah mukmin yang sebenarnya.

Jauhilah kamu semua dari terus melakukan apa yang diharamkan oleh Allah pada zahir al-Qur'an dan batinnya sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3): 135 "*Dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu sedangkan mereka mengetahui*" (setakat ini riwayat al-Qasim bin Rabi'), iaitu orang-orang sebelum kamu apabila mereka melupai sesuatu perkara yang disyaratkan oleh Allah di dalam kitab-Nya, mereka mengetahui bahawa mereka telah menderhakai Allah kerana meninggalkan perkara tersebut, lantas mereka melakukan istighfar dan tidak mengulanginya lagi.Itulah pengertian firman-Nya di dalam Surah Ali Imran (3): 135 "*Dan mereka tidak meneruskan perbuatan kejinya itu sedangkan mereka mengetahui*".

Ketahuilah kamu semua bahawa sesungguhnya Dia telah memerintah dan melarang supaya ditaati apa yang diperintahkan oleh-Nya dan dihentikan apa yang dilarangkan oleh-Nya. Justeru itu, barangsiapa yang mematuhi suruhan-Nya, maka dia mentaati-Nya dan mendapati segala kebaikan di sisi-Nya. Barangsiapa yang tidak menghentikan apa yang dilarang oleh Nya, maka dia menderhakai-Nya. Dan sekiranya dia mati di dalam maksiat terhadap-Nya, maka Allah akan mencampakkannya ke neraka.

Ketahuilah kamu semua bahawa tiada di antara Allah dan seorangpun makhluk-Nya sama ada malaikat yang hampir kepada-Nya atau nabi yang diutuskan atau makhluk lain; semuanya mentaatiNya. Justeru itu, bersungguh-sungguhlah kamu pada mentaati Allah, kerana tujuan kamu adalah untuk menjadi mukminin yang sebenar, tiada kekuatan melainkan dengan Allah. Dan beliau berkata: Hendaklah kamu mentaati Tuhan kamu menurut keupayaan kamu, kerana Allah adalah Tuhan kamu.

Ketahuilah bahawa sesungguhnya Islam adalah suatu penyerahan (*al-Taslim*) dan penyerahan (*al-Taslim*) adalah Islam. Justeru itu, barangsiapa yang telah menyerahkan dirinya (*salima*), maka dia telah menerima Islam (*aslama*). Dan barangsiapa yang belum menyerahkan dirinya (*lam yaslimu*), maka tiada Islam (penyerahan) baginya. Lantaran itu barangsiapa yang ingin meningkatkan ihsan di dalam dirinya, maka hendaklah dia mentaati Allah. Barangsiapa yang mentaati Allah, maka dia telah meningkatkan ihsan pada dirinya.

Tinggalkan kemaksiatan kepada Allah, kerana barangsiapa yang melakukannya, maka dia telah melakukan kejahatan pada dirinya sendiri sedangkan tiada kedudukan (*manzilah*) di antara kebaikan (*ihsan*) dan kejahatan (*isa'at*). Bagi mereka yang melakukan kebaikan di sisi Tuhan mereka adalah syurga dan bagi mereka yang melakukan

kejahatan di sisi Tuhan mereka adalah neraka. Justeru itu, beramallah dengan mentaati Allah dan jauhilah kemaksiatan kepada-Nya.

Ketahuilah bahawa tiada seorangpun makhluk-Nya sama ada malaikat yang hampir kepada-Nya atau nabi yang diutuskan dan lain-lain yang dapat melepaskan diri mereka daripada-Nya. Lantaran itu, barangsiapa yang ingin disyafaatkan di sisi Allah, maka hendaklah dia memohon kepada Allah supaya meredainya. Dan ketahuilah bahawa seorang makhluk Allah tidak akan mendapat keredaan Allah melainkan dengan mentaatiNya, mentaati rasul-Nya dan mentaati para imam ahlu l-Bait Rasulullah s.a.w, kerana kemaksiatan terhadap mereka adalah kemaksiayatan terhadap Allah dan kelebihan mereka tidak boleh diingkari sama ada sedikit ataupun banyak.

Ketahuilah bahawa sesungguhnya mereka yang menginkari[kelebihan mereka] adalah pembohong dan pembohong adalah munafik. Sesungguhnya Allah berfirman kepada munafikin di dalam Surah al-Nisa' (4):145 "*Sesungguhnya orang-orang munafik itu (ditempatkan) pada tingkatan yang paling bawah dari neraka. Dan kamu sekali-kali tidak akan mendapat seorang penolongpun bagi mereka*". Dan tidak seorangpun daripada kamu dapat memisahkan dirinya daripada seseorang apabila Allah menjadikan hatinya taat dan takut kepada-Nya, sebagaimana tidak seorangpun daripada kamu dapat memisahkan dirinya daripada seseorang apabila Allah mengeluarkannya daripada sifat kebenaran (*sifat al-Haq*) dan barangsiapa yang Allah tidak menjadikannya daripada sifat kebenaran, maka mereka adalah syaitan-syaitan manusia dan jin.

Sesungguhnya syaitan-syaitan manusia mempunyai helah dan kelicikan kerana mereka mahu jika mereka mampu mengembalikan ahli kebenaran kepada kedudukan yang sama dengan musuh Allah dan ahli kebenaran dari segi syak, ingkar dan pembohongan. Lantaran itu, mereka menjadi sama sebagaimana difirman oleh Allah di dalam Surah al-Nisa' (4): 89 "*Mereka ingin supaya kamu menjadi kafir sebagaimana mereka menjadi kafir, lalu kamu menjadi sama (dengan mereka)*". Kemudian Allah melarang ahli kemenangan dengan kebenaran supaya mereka tidak mengambil musuh-musuh Allah sebagai wali dan pembantu (*waliyyan wa la nasiran*).

Justeru itu, dia tidak akan menolak kamu daripada kemenangan dengan kebenaran yang Allah tentukan untuk kamu di dalam menghadapi tipu- daya syaitan-syaitan manusia dan kelicikan mereka terhadap urusan-urusan kamu. Kamu hendaklah menolak kejahatan (*al-Sayyi'ah*) dengan cara yang lebih baik di antara kamu dan mereka, kerana mencari keredaan Allah dengan mentaatiNya sedangkan mereka tiada kebaikan di sisi mereka.

Janganlah kamu menzahirkan kepada mereka Usuluddin Allah, kerana jika mereka mendengar sesuatu daripada kamu mengenainya,

nescaya mereka akan memusuhi kamu (*'adu-kum*) dan menentang kamu serta bekerja keras untuk membinasakan kamu. Mereka akan melakukan apa saja yang kamu benci, kerana kamu tidak mempunyai simpati daripada mereka di dalam pemerintahan yang jahat (*al-Fujjar*). Lantaran itu, ketahuilah kedudukan kamu apabila menghadapi ahli kebatilan, kerana ahli kebenaran hendaklah meletakan diri mereka di atas kedudukan ahli kebatilan, kerana Allah tidak menjadikan ahli kebenaran di sisi-Nya setaraf dengan ahli kebatilan. Tidakkah mereka mengetahui firman Allah di dalam kitab-Nya; Surah al-Sad (38): 28 "*Patutkah kami menganggap orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal yang saleh sama dengan orang-orang yang berbuat kerosakan di muka bumi? Patutkah kami menganggap orang-orang yang bertakwa sama dengan orang-orang yang berbuat maksiat?*"

Justeru itu hormatilah diri kamu apabila berhadapan dengan ahli kebatilan dan janganlah menjadikan Allah, imam kamu dan agama kamu sebagai alasan kepada ahli kebatilan, nescaya kamu akan memarahi Allah, maka kamu akan binasa. Bersabarlah wahai ahli kebaikan, janganlah kamu meninggalkan urusan Allah dan urusan kamu dengan mentaati ahli kebatilan, nescaya Allah akan mengubah nikmat kamu.

Cintailah kerana Allah akan mereka yang sealiran dengan kamu dan marahilah kerana Allah akan mereka yang menyalahi kamu. Korbanlah kasih-sayang kamu dan nasihat kamu untuk mereka yang sealiran dengan kamu. Janganlah kamu menghabiskan masa kamu untuk mereka yang tidak sealiran dengan kamu dan memusuhi kamu mengenainya. Ini adalah adab kami, adab Allah. Lantaran itu, beramallah dengannya dan fahamilah betul-betul. Janganlah kamu meninggalkannya begitu sahaja.

Apa yang serasi dengan hidayat kamu, maka ambillah dan apa yang serasi dengan hawa nafsu kamu, maka tinggalkanlah. Jauhilah kamu dari melakukan paksaan (*tajabbur*) terhadap Allah. Ketahuilah bahawa seseorang itu tidak diuji dengan melakukan paksaan terhadap Allah tetapi dia diuji dengan melakukan paksaan terhadap agama Allah. Lantaran itu teruslah sifat *istiqamah* kepada Allah dan janganlah kamu berpaling ke belakang (*la tartaddu*), maka kamu akan menjadi rugi. Allah akan melindungi kita dari melakukan paksaan terhadap Allah dan tiada kekuatan bagi kami dan kamu melainkan dengan Allah.

Beliau a.s berkata: Sesungguhnya seorang hamba apabila Allah telah menciptanya pada asalnya sebagai mukmin, maka dia tidak akan mati sehingga Allah menjauhkan daripadanya kejahatan. Dan barangsiapa Allah membenci kejahatan kepadanya dan menjauhinya daripadanya, maka Allah menyelamatkannya daripada takbur menguasainya, akhlaknya menjadi lembut dan baik serta berseri mukanya penuh ketenangan, menjauhi daripada perkara yang haram dan menjauhi

kemarahan-Nya. Allah akan kurniakan kepadanya kasih saying orang ramai terhadapnya tanpa sebarang pertengkaran.

Sesungguhnya seorang hamba apabila Allah menciptanya pada asalnya sebagai seorang kafir, maka dia tidak akan mati sehingga Dia membuatnya mencintai kejahatan dan mendekatinya. Dan apabila dia mencintai kejahatan dan mendekatinya, maka dia diuji dengan takbur lalu hatinya menjadi keras dan akhlaknya juga menjadi keras, mukanya muram, kejahatannya terserlah, kurang malu. Allah mendedahkan rahsianya, lalu dia melakukan perkara yang haram tanpa meninggalkannya. Dia terus mengerjakan maksiat kepada Allah, membenci ketaatan-Nya dan ahlinya. Dan inilah perbezaan antara keadaan seorang mukmin dan seorang kafir.

Pohonlah kepada Allah afiat, kerana tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah. Bersabarlah di dalam menghadapi bala di dunia, kerana menghadapi bala di dunia di dalam keadaan mentaati Allah, mewalikanNya dan mewalikan mereka yang diperintahkan olehNya adalah lebih baik akibatnya di sisi Allah di akhirat daripada memiliki dunia sekalipun panjang nikmatnya dan kemewahan hidupnya di dalam kemaksiatan kepada Allah, mewali dan mentaati mereka yang dilarang oleh Allah, kerana Allah telah memerintah supaya mewalikan para imam yang dinamakan olehNya di dalam kitab-Nya Surah al-Anbiya' (21) : 73 "*Kami telah menjadikan mereka itu sebagai pemimpin-pemimpin yang memberi petunjuk dengan perintah kami*". Maka mereka itulah yang diperintahkan oleh Allah supaya mewalikan mereka dan mentaati mereka.

Adapun mereka yang dilarang oleh Allah dari mewalikan mereka dan mentaati mereka, maka mereka itulah para imam sesat yang ditentukan oleh Allah bahawa mereka mempunyai pemerintahan di dunia ke atas para wali Allah yang terdiri daripada para imam Ahlul Bait Muhammad s.a.w. Mereka melakukan maksiat kepada Allah dan Rasul-Nya s.aw di dalam pemerintahan mereka bagi melayakkan mereka menerima azab sedangkan kamu dipilih untuk bersama nabi Allah Muhammad s.a.w dan para rasul sebelumnya.

Justeru itu, renunglah terhadap apa yang diceritakan oleh Allah kepada kamu di dalam kitab-Nya tentang ujian-ujian yang dihadapi oleh para nabi-Nya dan pengikut-pengikut mereka yang mukminin. Kemudian pohonlah kepada Allah supaya Dia mengurniakan kesabaran kepada kamu di dalam menghadapi bala di masa senang dan susah sebagaimana Dia telah kurniakan kepada mereka.

Jauhilah dari memarahi ahli kebatilan dan berpeganglah dengan petunjuk para salihin, ketenangan mereka, lemah lembut mereka, kewarakan mereka daripada perkara yang haram, kebenaran mereka, kesetiaan mereka dan ijtihad mereka kerana Allah dengan melakukan

ketaatan kepada-Nya. Jika kamu tidak melakukan sedemikian, maka kamu tidak akan mencapai kedudukan para salihin sebelum kamu.

Ketahuilah jika Allah menghendaki hamba-Nya kebaikan, nescaya Dia melapangkan dadanya dengan Islam. Apabila Dia kurniakan Islam kepadanya, maka lidahnya bercakap kebenaran, hatinya menyimpulkannya, lalu beramal dengannya. Apabila Allah mengumpulkan semuanya, maka sempurnalah Islamnya. Dan apabila dia mati di dalam keadaan tersebut, maka dia di sisi Allah adalah seorang mukmin yang sebenar.

Apabila Allah tidak mengehendaki hamba-Nya kebaikan, maka Dia menyerahkannya kepada dirinya, lalu dadanya menjadi sempit dan susah. Jika berlaku kebenaran di lidahnya, maka hatinya tidak menyimpulkannya. Dan apabila hatinya tidak menyimpulkannya, maka Allah tidak kurniakan kepadanya untuk mengamalkannya.

Apabila terjadi sedemikian ke atasnya sehingga dia mati, maka dia di sisi Allah daripada golongan munafik. Lantaran itu kebenaran yang berlalu di lidahnya, hatinya yang tidak menyimpulkannya, dan amalan yang tidak dikurniakan Allah untuk dilakukannya adalah menjadi hujah ke atasnya.

Justeru itu, bertakwalah kepada Allah, dan pohonlah kepada-Nya supaya Dia melapangkan dada kamu kepada Islam dan menjadikan lidah kamu bercakap dengan kebenaran sehingga Dia mematikan kamu di dalam keadaan sedemikian. Pohonlah supaya Dia menjadikan kamu seperti para salihin sebelum kamu, tiada kekuatan melainkan dengan Allah dan segala puji adalah bagi Allah Tuhan alam semesta.

Barangsiapa yang ingin mengetahui bahawa Allah mencintainya, maka hendaklah dia beramal dengan mentaatiNya dan mengikut kami, tidakkah dia mendengar firman Allah a.w kepada nabi-Nya s.a.w di dalam Surah Ali Imran (3): 31 *"Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosa kamu"*. Demi Allah, seorang hamba tidak akan mentaati Allah selama-lamanya melainkan Allah menjadikannya di kalangan pengikut-pengikut kami. Demi Allah, seorang hamba tidak akan mengikut (*la yatbi'u-na*) kami selama-lamanya melainkan Allah mengasihinya (*ahabba-hu*). Demi Allah, seorang tidak akan mengetepikan seorang daripada pengikut-pengikut kami selama-lamanya melainkan dia memarahi kami (*abghadha-na*). Demi Allah, seorang tidak akan memarahi kami selama-lamanya melainkan dia menderhakai Allah (*'asa l-LLah*). Dan barangsiapa yang mati di dalam keadaan derhaka kepada Allah, maka Allah akan menghinanya dan akan mencampaknya ke neraka. Segala puji bagi Allah Tuhan alam semesta.

KHUTBAH AL-TALUTIYYAH

Oleh Amir al-Mukminin Ali A .S

(Raudhah al-Kafi, viii, hlm.26-28,Qum, 1985)

KHUTBAH AL-TALUTIYYAH

Oleh Amir al-Mukminin Ali a.s

(**Raudhah al-Kafi**, hlm.26-28)

"Demi Allah, sekiranya aku mempunyai bilangan para sahabat Talut atau bilangan ahli Badr, mereka adalah seramai bilangan kamu, nescaya aku akan memukul kamu dengan pedang"

5. Muhammad bin Ali bin Mu'ammar, daripada Muhammad bin Ali berkata: Abdullah bin Ayyub al-Asy'ari telah memberitahu kami daripada 'Umru al-Auza'i daripada 'Umar bin Syamar, daripada Salmah bin Kuhail daripada Abu al-Haitham al-Tihan bahawa Amir al-Mukminin a.s telah memberi khutbah di Madinah, berkata:

Segala puji bagi Allah Yang tiada tuhan melainkan Dia. Dia telah hidup tanpa *kaif* (bagaimana?), tiada bagi-Nya *kaana* (telah berlalu) yang memberi implikasi *kaifa*, *aiana* (di mana?), *fi syai'in* (pada sesuatu) dan *'ala syai'in* (di atas sesuatu) yang memberi implikasi tempat. Dia bukanlah *Qawiyyu* (Yang Kuat) selepas Dia menjadikan sesuatu. Dia bukanlah lemah *(dha'iifan)* sebelum Dia menjadikan sesuatu. Dia bukanlah merasa takut sebelum Dia menciptakan sesuatu. Dia tidak menyerupai sesuatu. Dia bukanlah sunyi daripada kerajaan sebelum menjadi sesuatu. Dia tidak sunyi daripada sesuatu selepas kehilangannya. Dia adalah Tuhan Yang Hidup tanpa *hayat* . Dia adalah raja sebelum kewujudan rakyat dan raja selepas ketiadaannya.

Tiada bagi Allah *kaifa*, *aina* dan had yang boleh diketahui. Tiada sesuatu yang menyerupaiNya. Dia tidak menjadi tua kerana kekekalan-Nya. Dia tidak menjadi lemah kerana ketakutan. Dia tidak takut sebagaimana takutnya makhluk-Nya daripada sesuatu, tetapi Dia mendengar tanpa pendengaran (*sam'*), melihat tanpa penglihatan (*basr*) , kuat tanpa kekuatan daripada makhluk-Nya. Penglihatan dan pendengaran tiada mencapaiNya. Apabila Dia kehendaki sesuatu Dia tidak perlu mesyuarat, demonstrasi, dan pengalaman. Dia tidak

bertanya kepada seseorang tentang sesuatu daripada makhluk-Nya apa yang Dia kehendaki.

Dia tidak dapat dicapai oleh penglihatan tetapi Dia mencapai penglihatan. Dia adalah halus dan pakar. Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah sahaja dan aku naik saksi bahawa Muhammad adalah hamba-Nya dan Rasul-Nya. Dia telah mengutusnya dengan petunjuk dan agama yang benar untuk dimenangkan-Nya ke atas segala agama sekalipun dibenci oleh musyrikun. Maka beliau s.a.w telah menyampaikan risalah dengan dalil yang terang.

Wahai umat yang telah ditipu (*khudi'at*), lalu tertipu (*fa-inkhda'at*), dan mengetahui penipuan orang yang menipunya (*'arafat khadi'ata man khada'a-ha*), lantas berkeras di atas apa yang diketahuinya dan mengikut hawa nafsunya dengan angkuh. Kebenaran terserlah kepadanya, tetapi ia menentangnya. Jalan yang terang diselewengkannya. Demi Yang memecahkan bijian dan menghidupkan jiwa, sekiranya kamu mengambil ilmu daripada galiannya, meminum air daripada kemanisannya, menyimpan kebaikan pada tempatnya, mengambil jalan yang terang dan benar, nescaya kamu berjaya dan mendapat cahaya Islam.

Lantaran itu, kamu dapat makan dengan mewah tanpa bebanan, dan tiada seorang muslimpun akan menzalimi kamu begitu juga orang yang membuat perjanjian dengan kamu. Tetapi kamu telah memilih jalan kegelapan, lalu dunia menggelapkan kamu, menutup ke atas kamu pintu-pintu ilmu. Justeru itu kamu bercakap menurut hawa nafsu dan berselisih faham tentang agama kamu. Lalu kamu memberi fatwa tentang agama Allah tanpa ilmu. Kamu telah mengikut orang-orang yang sesat, lalu mereka menyesatkan kamu.

Kamu telah meninggalkan para imam, lalu mereka meninggalkan kamu (*tarak-tum al-A'immah fa-tarakuu-kum*). Kemudian kamu mulai menghukum dengan hawa nafsu kamu. Apabila disebut sesuatu perkara, maka kamu bertanya *ahli al-Dhikr*. Dan apabila mereka memberi fatwa kepada kamu, maka kamu berkata itulah ilmu yang sebenar. Bagaimana kamu telah meninggalkannya dan menyalahinya pula?! Betapa sedikit apa yang kamu dapat daripada semua tanaman kamu dan kamu akan mendapatinya tidak sihat apa (*wakhim*) yang kamu lakukan.

Demi Yang memecahkan bijian dan menghidupkan jiwa, sesungguhnya kamu telah mengetahui bahawa akulah sahabat kamu (khalifah) yang diperintahkan ke atas kamu. Sesungguhnya akulah orang yang alim kamu dan dengan ilmunya(ilmuku) akan membawa kejayaan kepada kamu. Akulah wasi nabi kamu dan orang pilihan Tuhan kamu. Lisan cahaya kamu dan orang yang alim tentang kepentingan kamu.

Sedikit demi sedikit akan turun ke atas kamu apa yang kamu janjikan dan apa yang telah diturunkan ke atas umat-umat yang terdahulu sebelum kamu. Allah akan bertanya kepada kamu tentang para imam kamu, bersama-sama mereka kamu akan dihimpunkan dan kepada Allah besok kamu akan pergi. Demi Allah sekiranya aku mempunyai bilangan para sahabat Talut atau bilangan ahli Badr, mereka adalah seramai bilangan kamu, nescaya aku akan memukul kamu dengan pedang sehingga kamu cenderung kepada kebenaran dan menyahutinya. Itu adalah lebih baik, wahai Tuhanku, hukumlah di antara kami dengan kebenaran dan Engkau adalah sebaik-baik hakim.

Beliau (perawi) berkata: Kemudian beliau a.s keluar daripada masjid dan melihat tiga puluh ekor berbiri, lalu beliau berkata: Demi Allah sekiranya aku mempunyai lelaki yang ikhlas kepada Allah dan Rasul-Nya seramai bilangan berbiri ini, nescaya aku memecat anak lelaki kepada perempuan pemakan lalat(Abu Bakr) daripada kekuasaannya. (*la-azal-tu ibna aakilati al-Dhibaan 'an mulki-hi*).

Beliau berkata: Apabila tiba waktu petang, tiga ratus enam puluh lelaki telah memberi baiah kepadanya di atas dasar kematian (*'ala al-Maut*). Amir al-Mukminin a.s berkata : Mereka tidak menepati janji mereka supaya mencukur kepala (*muhalliqan*) melainkan Abu Dhar, al-Miqdad, Huzaifah bin al-Yaman dan 'Ammar bin Yasir. Salman adalah yang paling akhir datang di kalangan mereka.

Kemudian beliau a.s mengangkat tangannya ke langit dan berkata: Sesungguhnya mereka telah menentang aku sebagaimana Bani Israel menentang Harun. Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau mengetahui apa yang kami sembunyi dan apa yang kami luahkan, tiada sesuatupun di bumi dan di langit tersembunyi daripada Engkau. Matikanlah aku sebagai seorang muslim dan kaitkanlah aku dengan orang-rang yang salih.

Beliau a.s berkata: Sekiranya tiada perjanjian yang dijanjikan oleh Nabi al-Ummiyyi kepadaku, nescaya aku menyerang orang-orang yang menentang aku. Aku akan kirimkan kepada mereka petir maut, tetapi sedikit sahaja yang mengetahui.

KELEBIHAN SYIAH

Oleh Amir al-Mukminin Ali A .S

(Raudhah al-Kafi, viii, hlm.180-181.Qum, 1985)

Kelebihan Syiah

Oleh Amir al-Mukminin a.s
(**Raudhah al-Kafi**, hlm.180-181)

259. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Abu 'Umair, daripada 'Umru bin Abu al-Miqdam berkata: Aku telah keluar sehingga berada di antara kubur Rasululllah s.a.w dan minbarnya. Tiba-tiba beliau a.s berada bersama-sama Syiah, lalu memberi salam kepada mereka. Aku telah mendengar Abu Abdullah a.s berkata: Sesungguhnya, demi Tuhan, aku mengasihi roh-roh kamu, justeru itu, tolonglah aku dengan warak dan ijtihad. Ketahuilah bahawa wilayah kami tidak boleh dicapai melainkan dengan warak dan ijtihad.

Barangsiapa di kalangan kamu mengimamkan seseorang, maka hendaklah dia beramal dengan amalannya. Kamu adalah Syiah Allah, kamu adalah penolong-penolong Allah (*antum syi'atu l-Lah wa antum ansaru l-Lah*), kamu adalah orang terdahulu yang pertama di dunia dan orang terdahulu yang terakhir di akhirat ke syurga. Kami telah menjaminkan kamu syurga dengan jaminan Allah dan jaminan Rasulullah s.a.w. Demi Tuhan, tiada roh memasuki syurga yang lebih banyak daripada roh-roh kamu. Lantaran itu, berlumba-lumbalah bagi mendapatkan kelebihan darjatnya.

Kamu adalah baik (*tayyibun*) dan perempuan-perempuan kamu adalah baik (*tayyibat*). Setiap mukminat adalah bidadari (*haura'*) dan setiap mukmin adalah *siddiq*. Amir al-Mukminin a.s berkata kepada Qanbar: Wahai Qanbar, bergembiralah, dan beritahulah tentang kegembiraan ini, demi Tuhan, sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah mati di dalam keadaan beliau s.a.w memarahi umatnya selain daripada Syiah (*maata rasulullah s.a.w wa huwa 'ala ummati-hi sakhitun illa 'ala al-Syi'ah*).

Sesungguhnya setiap sesuatu ada kekuatannya, maka kekuatan Islam adalah Syiah (*ala wa inna li-kulli sya'in 'izzan wa 'izzu l-Islam al-Syi'ah*). Sesungguhnya setiap sesuatu ada tiangnya, maka tiang Islam adalah Syiah (*ala wa inna li-kulli syai'in da'amatan wa-da'amatu l-Islam al-Syi'ah*). Sesungguhnya setiap sesuatu ada puncaknya, maka puncak Islam adalah Syiah (*ala wa-inna li-kulli syai'in dhirwatan wa-dhirwatu l-Islam al-Syi'ah*).

Sesungguhnya setiap sesuatu ada kemuliaannya, maka kemuliaan Islam adalah Syi'ah (*ala wa-inna li-kulli syai'in syarafan wa-syarafu l-Islam al-Syi'ah*). Sesungguhnya setiap sesuatu ada tuannya, maka tuan kepada semua majlis adalah majlis Syiah (*ala wa-inna li-kulli syai'in sayyidan wa-sayyidu l-Islam al-Syi'ah*). Sesungguhnya setiap sesuatu ada imamnya, maka imam bagi bumi adalah bumi yang diduduki Syi'ah (*ala wa-inna li-kulli syai'in imaman wa-imamu l-Ardh ardhun taskunu-ha al-Syi'ah*).

Demi Tuhan, jika orang seperti kamu tidak ada di bumi ini, nescaya aku tidak melihatnya dengan senang. Demi Tuhan, jika orang seperti kamu tidak ada di bumi ini, nescaya Allah tidak memberi nikmat kepada orang-orang yang menentang kamu (*ahli khilafi-kum*). Mereka tidak mendapat kebaikan di dunia dan di akhirat. Setiap nasibi sekalipun dia bekerja keras (*kullu nasibin mujtahidin*), maka amalannya adalah sia-sia (*fa-'amalu-hu habaa'an*).

Syiah kita bercakap dengan cahaya Allah a.w. Adapun mereka yang menyalahi Syiah bercakap dengan kesalahan(*tafallutin*). Demi Tuhan, tidak seorang di kalangan Syiah kita yang tidur melainkan Allah mengangkatkan rohnya ke langit, lalu memberkatinya. Dan jika ajalnya tiba, maka Dia akan meletakkanya di gedung rahmat-Nya; di taman syurga-Nya; di bayang 'Arasy-Nya. Dan jika ajalnya belum tiba, maka Dia mengutus malaikat untuk mengembalikannya kepada jasadnya. Demi Tuhan, sesungguhnya mereka yang mengerjakan haji dan umrah di kalangan kamu adalah tetamu istimewa Allah a.w. Sesungguhnya orang-orang fakir kamu adalah ahli kekayaan dan orang-orang kaya kamu adalah ahli *qana'ah*. Sesungguhnya kamu semua adalah ahli dakwah-Nya dan ahli yang menyahuti seruan-Nya.

PUJIAN TERHADAP SYIAH

Oleh: Imam Ja'far al-Sadiq a.s

(Al-Ikhtisas Oleh Syaikh al-Mufid, Qum, t.t. teks terj.. hlm 123-126)

PUJIAN TERHADAP SYIAH

Oleh Imam Ja'far al-Sadiq a.s
Al-Ikhtisas, hlm 123-126)

Hadis Abu Basir Daripada Abu Abdullah A.S Tentang Pujian Terhadap Syi'ah Imamiah

Muhammad bin al-Hasan bin Ahmad bin al-Walid daripada al-Hasan bin Mattil daripada Ibrahim bin Ishaq al-Nahawandiy daripada Muhammad bin Sulaiman al-Dailami daripada Abu Sulaim al-Dailami daripada Abu Basir berkata: Aku datang kepada Abu Abdullah a.s selepas aku menjadi tua. Beliau a.s. bertanya kepadaku tentang *al-Nafs al-'Ali* (*keluhan hati*)? Beliau a.s. berkata: Wahai Abu Muhammad! Apakah itu *al-Nafs al 'Ali* ? Aku berkata kepadanya: Umur aku telah tua, tulang aku telah reput, dan ajal aku telah hampir sedangkan aku tidak mengetahui apakah aku akan jadi pada akhirat.

Beliau a.s. berkata: Wahai Abu Muhammad! Anda mengucapkan kata-kata seperti ini? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda bagaimana aku tidak berkata sedemikian? Beliau a.s. berakta: Tidakkah anda mengetahui bahawa Allah memuliakan pemuda-pemuda (*al-Syabab*) daripada kamu dan malu kepada orang-orang tua (*al-Kuhul*)? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, bagaimana Dia memuliakan pemuda-pemuda di kalangan kita dan Dia malu kepada orang-orang tua? Beliau a.s. berkata: Dia memuliakan pemuda-pemuda daripada kamu supaya Dia tidak menyeksa mereka dan Dia malu kepada orang-orang tua daripada kamu supaya Dia tidak menghisabkan mereka. Adakah aku telah menggembirakan anda? Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku, kerana kami telah melakukan perkara yang buruk, belakang kami telah pecah, hati kami telah mati, penguasa-penguasa telah menghalalkan darah kami di dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh para ulama mereka.

Beliau a.s. berkata: al-Rafidhah? Aku berkata: Ya. Beliau a.s. berkata: Bukan mereka yang telah menamakan kamu dengannya, malah Allah yang telah menamakan kamu dengan nama tersebut. Tidakkah kamu mengetahui bahawa bersama Fir'aun adalah tujuh puluh lelaki daripada Bani Israel yang beragama dengan agamanya. Ketika ternyata bagi mereka kesesatan Fir'aun dan hidayat Musa, maka mereka *Rafadhu* (menolak) Fir'aun.

Kemudian mereka menyertai Musa dan berada di dalam kem Musa dan dikenali sebagai yang kuat beribadat dan berijtihad. Mereka telah menolak Fir'aun. Maka Allah telah mewahyukan kepada Musa supaya menetapkan nama ini untuk mereka di dalam Taurat. Sesungguhnya aku telah menggunakan nama mereka, kemudian Allah menyimpan nama ini sehingga Dia menamakan kamu dengannya, kerana kamu telah menolak (*Rafadhattum*) Fir'aun, Haman dan tentera-tentera mereka berdua. Kamu telah mengikut Muhammad dan keluarga Muhammad, wahai Abu Muhammad! Adakah aku telah menggembirakan anda?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Manusia telah berpecah kepada beberapa golongan dan syi'ah, tetapi kamu telah menjadi syi'ah Ahlu l-Bait Nabimu. Maka kamu telah berpegang kepada apa yang telah diperintahkan oleh Allah dan kamu memilih apa yang telah dipilihkan oleh Allah.

Kamu mencintai mereka yang telah dicintai oleh Allah, kamu telah kehendaki mereka yang telah dikehendaki oleh Allah, maka terimalah berita gembira ini. Demi Tuhan, sesungguhnya kamu dirahmati Allah (*al-Marhumun*), Dia menerima amalan baik kamu dan menolak amalan jahat kamu. Siapa yang tidak berjumpa dengan Allah seperti kamu, maka Allah tidak akan menerima amalan baiknya dan tidak memaafkan kejahatannya. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya meluruhkan dosa-dosa daripada belakang syi'ah kami sebagaimana angin meluruhkan daun daripada pohon pada masa luruhnya sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Syura (42):5 "*para malaikat bertasbih dan memuji Tuhan mereka dan memohon ampun bagi orang-orang yang ada di bumi*" *Istighfaru-hum* (permohonan ampun) para malaikat adalah untuk kamu bukan untuk alam ini. Adakah aku telah menggembirakan kamu wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku? Beliau a.s berkata: Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Ahzab (33):23 "*Di antara orang-orang mukmin itu ada orang-orang yang menepati apa yang mereka janjikan kepada Allah, maka di antara mereka ada yang gugur,dan di antara mereka ada yang menunggu-nunggu,dan mereka sedikit pun tidak mengubah(janjinya)*"

Demi Allah, sesungguhnya Dia tidak maksudkan selain daripada kamu, kerana kamu telah menyempurnakan perjanjian kamu (*mithaqa-kum*) tentang wilayah kami dan kamu tidak menukarkan kami dengan orang selain daripada kami. Jika kamu berbuat sedemikian, nescaya Allah akan menghina kamu sebagaimana Dia telah menghina orang lain selain daripada kamu di dalam kitab-Nya Surah al-A'raf (7):102 "*Dan*

kami tidak mendapati kebanyakan mereka memenuhi janji, sesungguhnya kami mendapati kebanyakan mereka orang-orang yang fasiq" Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku? Beliau a.s berkata: Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Zukhruf (43): 67 *"Teman-teman akrab pada hari itu sebahagiannya menjadi musuh bagi sebahagian yang lain kecuali orang-orang yang bertakwa"* Makhluk, demi Tuhan, besok menjadi musuh selain daripada kami dan syi'ah kami. Allah tidak maksudkan dengan *al-Muttaqin* selain daripada kami dan selain daripada syi'ah kami. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambah lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Nisa' (4):69 *"Dan barangsiapa yang mentaati Allah dan Rasul-Nya, mereka itu akan bersama dengan orang-orang yang dianugerahi nikmat oleh Allah iaitu para nabi , para siddiqin,orang-orang yang mati syahid dan orang-orang soleh. Dan mereka itulah teman yang sebaik-baiknya"*

Muhammad s.a.w adalah *al-Nabiyyin*, kami adalah *al-Siddiqin* dan *al-Syuhada'*, dan kamu adalah *al-Salihun*. Kamu dinamakan dengan *al-Salihin* sebagaimana Allah telah menamakan kamu. Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan selain daripada kamu. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda. Beliau a.s berkata: Allah telah mengumpulkan kami, wali kami dan musuh kami di dalam satu ayat di dalam kitab-Nya Surah al-Zumar (39):9 *"Adakah sama orang yang mengetahui dengan orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran"* Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya Surah al-Sad (38):62 *"Dan (orang-orang derhaka) berkata: Mengapa kami tidak melihat orang-orang yang dahulu(di dunia) kami anggap sebagai orang-orang jahat"* Kamu yang akan dicari di neraka manakala di syurga, demi Tuhan, kamu dihormati. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut dan melindungi kamu daripada syaitan yang dilaknati di dalam kitab-Nya Surah al-Hijr (15): 42 dan Surah al-Isra'(17):65 *"Sesungguhnya hamba-hamba-Ku tidak ada kekuasaan bagimu terhadap mereka"*

Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita (*ma'anna ghaira-na wa ghaira syi'ati-na*). Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Aku berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Sesungguhnya Allah telah menyebut kamu di dalam kitab-Nya, maka Dia telah mewajibkan keampunan untuk kamu. Dia berfirman dalam Surah al-Zumar (39):53 " *Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya*"

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, bukan begitu yang kita membacanya, sesungguhnya kita membacanya *Wahai hamba-hamba-Ku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri, janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah.Sesungguhnya Allah mengampuni dosa-dosa semuanya*"

Beliau a.s berkata: Wahai Abu Muhammad! Jika Allah mengampuni dosa-dosa semuanya, maka siapakah yang diseksanya? Demi Tuhan, Dia tidak maksudkannya selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita. Ianya secara khusus untuk kami dan kamu. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Demi Tuhan, Dia tidak mengecualikan seorang di kalangan para wasi dan pengikut mereka selain daripada Amir al-Mukminin a.s, dan syi'ahnya. Allah berfirman di dalam Surah al-Dukhan (44) :41-2 "*Iaitu hari seorang karib tidak dapat memberi manfaat kepada karibnya sedikit pun dan mereka tidak akan dapat pertolongan, kecuali orang-orang yang diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Dialah Yang Maha Perkasa lagi Maha Penyayang*"

Demi Tuhan, Dia tidak maksudkan dengan "rahmat" selain daripada Amir al-Mukminin a.s dan syi'ahnya. Adakah aku telah menggembirakan anda wahai Abu Muhammad?

Abu Basir berkata: Aku jadikan diri aku tebusan anda, tambahkan lagi untuk aku. Beliau a.s berkata: Ali bin al-Husain a.s berkata: Tidak di atas fitrah Islam selain daripada kita dan selain daripada syi'ah kita. Sementara orang lain adalah terlepas daripadanya (fitrah Islam). Adakah aku telah meyakinkan anda wahai Abu Muhammad?[1]

---

[1] Al-Kulaini, *al-Raudhah min al-Kafi*, hlm. 33

KHUTBAH TENTANG FITNAH DAN BID'AH

Oleh Amir al-Mukminin Ali a.s

(Raudhah al-Kafi, hlm.50-52)

KHUTBAH TENTANG FITNAH DAN BID'AH

Oleh: Amir al-Mukminin a.s
(**Raudhah al-Kafi**, hlm.50-52)

21. Ali bin Ibrahim, daripada bapanya, daripada Hammad bin Isa, daripada Ibrahim bin 'Uthman, daripada Sulaim bin Qais al-Hilali, berkata: Amir al-Mukminin a.s telah memberi khutbah, lalu beliau a.s memuji Allah, kemudian berselawat ke atasnya s.a.w dan berkata:

Sesungguhnya dua perkara yang aku paling takut ke atas kamu: Mengikut hawa nafsu (*itba' al-Hawa*) dan panjang angan-angan (*tul al-Amal*). Adapun mengikut hawa nafsu, maka ia akan menentang kebenaran. Adapun panjang angan-angan, maka ia akan melupakan akhirat. Sesungguhnya dunia undur ke belakang dan akhirat mara ke depan. Setiap satu mempunyai pengikutnya, maka jadilah kamu pengikut akhirat (*abnaa' al-Akhirat*) dan janganlah kamu menjadi pengikut dunia (*abnaa' al-Dunya*), kerana hari ini amal tanpa hisab dan besok hisab tanpa amal.

Sesungguhnya punca berlakunya fitnah adalah kerana mengikuti hawa nafsu dan hukum-hukum yang dicipta menyalahi hukum Allah. Justeru itu, orang-orang tertentu menguasai orang ramai. Sesungguhnya kebenaran semata-mata tidak akan ada perselisihan, begitu juga dengan kebatilan semata-mata tidak akan tersembunyi kepada orang yang mempunyai akal, tetapi ia diambil daripada bahagian ini sedikit dan bahagian itu sedikit, lalu kedua-duanya bercampur aduk dan terserlah, maka di sinilah syaitan menguasai di atas para walinya dan berjayalah orang tertentu yang mendapat petunjuk daripada Allah.

Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah s.a.w bersabda: Bagaimana kamu apabila fitnah menguasai kamu di mana yang kecil membesar dan yang besar menjadi tua, orang ramai biasa dengan perkara tersebut dan mengambilnya sebagai sunnah. Apabila suatu perkara diubah daripadanya, maka orang ramai akan berkata: Sunnah telah diubah (*qad ghuyyirat al-Sunnah*), lalu orang ramai menentangnya. Kemudian perkara ini terus berlaku sehingga fitnah meresapi pemikiran mereka seperti api di dalam sekam dan kisaran dengan hampasnya. Mereka belajar bukan kerana Allah dan bukan pula untuk diamalkan. Mereka mencari dunia dengan amalan akhirat (*yalubuun al-Dunya bi-*

a'maal al-Akhirat). Kemudian beliau a.s berdepan dengan keluarganya dan Syiahnya seraya berkata:

"Khalifah-khalifah sebelumku telah melakukan perbuatan-perbuatan yang menyalahi Rasulullah s.a.w dengan sengaja. Mereka melanggar janji mereka dengan beliau dengan mengubah sunnah-sunnah beliau. Sekarang jika aku memaksa mereka supaya meninggalkannya dan mengembalikan keadaan sebagaimana di zaman Rasulullah s.a.w, nescaya tenteraku akan bertaburan lari dariku, meninggalkan aku bersendirian atau hanya sedikit sahaja di kalangan Syi'ahku yang mengetahui kelebihanku, dan imamahku melalui Kitab Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w akan tinggal bersamaku. Apa pendapat kalian, sekiranya aku menempatkan Maqam Ibrahim pada tempat yang telah ditempatkan oleh Rasulullah s.a. w.

Mengembalikan Fadak kepada pewaris-pewaris Fatimah a.s, mengembalikan timbangan dan ukuran seperti yang lazim di zaman Rasulullah s.a.w, mengembalikan tanah kepada orang yang telah diberikan oleh Rasulullah s.a.w, mengembalikan rumah Ja'far kepada pewaris-pewarisnya dan memisahkannya dari masjid (kerana mereka telah merampasnya dan memasukkannya ke dalam masjid); mengembalikan hukum-hukum yang kejam yang dipaksa oleh khalifah-khalifah yang terdahulu ke atas wanita-wanita yang secara tidak sah telah dipisahkan dari suami mereka, mengembalikan jizyah kepada Bani Taghlab, mengembalikan tanah Khaibar yang telah dibahagikan-bahagikan, memansuhkan dewan-dewan pemberian dengan meneruskan pemberian kepada semua orang sebagaimana dilakukan pada masa Rasulullah s.a.w tanpa menjadikannya tertumpu di kalanganorang-orang kaya, memulihkan pajak bumi, menyamakan kaum Muslimin di dalam masalah nikah kahwin, melaksanakan *khums* sebagaimana difardhukan Allah s.w.t.

Memulihkan Masjid Nabi seperti bentuknya yang asal pada zaman Nabi s.a, menutup pintu-pintu yang dibuka (selepas kewafatan Rasul) dan membuka pintu-pintu yang ditutup (selepas kewafatan Rasul), mengharamkan penyapuan di atas *al-Khuffain*, mengenakan hukum had ke atas peminum nabidh, memerintahkan halal mut'ah wanita dan mut'ah haji sebagaimana pada zaman Nabi s.a.w, memerintahkan takbir lima kali dalam solat jenazah, mewajibkan kaum Muslimin membaca *Bismillahi r-Rahmani r-Rahim* dengan suara yang nyaring pada masa solat, mengeluarkan orang yang dimasukkan bersama Rasulullah s.a.w di dalam masjidnya, di mana Rasulullah s.a.w telah mengeluarkannya (Abu Bakr dan Umar), memasukkan orang yang dikeluarkan selepas Rasulullah s.a.w (beliau a.s sendiri) di mana Rasulullah s.a.w telah memasukkannya, memaksa kaum Muslimin dengan hukum al-Qur'an

dan talak menuruti Sunnah, mengambil zakat menurut jenis-jenisnya, mengembalikan wuduk basuh dan solat kepada waktunya, syariatnya dan tempatnya, mengembalikan ahli Najran ke tempat-tempat mereka, mengembalikan layanan terhadap tawanan perang Farsi dan bangsa-bangsa lain kepada kitab Allah dan Sunnah Nabi-Nya.

Sekiranya aku melaksanakan semua ini, nescaya mereka mengembara meninggalkan aku. Demi Tuhan, ketika aku perintahkan orang-orang supaya tidak melakukan solat jama'ah di masjid pada bulan Ramadhan kecuali solat-solat fardu dan memberitahukan kepada mereka bahawa solat sunat berjama'ah (Tarawih) adalah bid'ah, sekelompok tenteraku yang pernah berperang di pihak aku mulai berteriak: "Wahai kaum Muslimin! Ali ingin mengubah sunnah Umar dan bermaksud menghentikan kita dari melakukan solat-solat sunat Tarawih pada bulan Ramadhan sehingga aku khuatir mereka akan memberontak. Pada masa yang sama aku sedang menghadapi perpecahan di kalangan umat dan ketaatan mereka kepada pemimpin-pemimpin mereka yang sesat yang hanya menyeru ke neraka (*a'immah dhalalah wa al-Du'ati ila al-Nar*) .

Aku telah dikurniakan saham kerabat di dalam firman-Nya Surah al-Anfal (7): 41 " *jika kamu beriman kepada Allah dan kepada apa yang kami turunkan kepada hamba kami (Muhammad) di hari Furqan, iaitu di hari bertemunya dua pasukan.*". Maka kamilah yang dimaksudkan dengan *dhi l-Qurba* (kerabat) di mana Allah telah meletakkan kami selepas diri-Nya dan Rasul-Nya s.a.w sebagaimana firman-Nya Surah al-Hasyar (59): 7 "*untuk Allah, rasul, kerabat rasul, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan ibnu ssabil* (adalah untuk kami secara khusus) *agar harta itu hanya beredar di kalangan orang-orang kaya di kalangan kamu. Apa yang diberikan rasul kepada kamu, maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu, maka tinggalkanlah, dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah sangat keras hukuman-Nya*" bagi orang-orang yang telah menzalimi mereka sebagai rahmat daripada-Nya untuk kami dan kekayaan yang Allah kurniakan kepada kami dan Dia telah berwasiat kepada Nabi kami mengenainya.

Dia tidak menjadikan sedekah sebagai saham kami. Dia telah memuliakan kami Ahlu l-Bait dengan tidak memakan sedekah orang ramai (*ausakh al-Nas*). Justeru itu mereka telah membohongi Allah, membohongi Rasul-Nya dan menentang kitab-Nya yang bercakap tentang hak kami. Mereka telah menghalang kami daripada fardu yang difardukan oleh Allah untuk kami. Inilah ang dihadapi oleh Ahlu l-Bait nabi selepas nabi kita s.a.w. Allah menentang mereka yang telah menzalimi kami dan tiada helah dan kekuatan melainkan dengan Allah Yang Maha Tinggi dan Perkasa.

KHUTBAH AL-WASILAH

Oleh: Amir al-Mukminin a.s

(Raudhah al-Kafi, hlm.16-25)

KHUTBAH AL-WASILAH

Oleh Amir al-Mukminin a.s
Raudhah al-Kafi, hlm.16-25)

4. Muhammad bin Ali bin Mu'ammar, daripada Muhammad bin Ali bin 'ikayah al-Tamimi, daripada al-Husain bin al-Nadhar al-Fihri, daripada Abu 'Umru al-Auza'i daripada 'Umru bin Syamar, daripada Jabir bin Yazid berkata: Aku telah datang berjumpa Abu Ja'far a.s, maka aku berkata: Wahai anak lelaki Rasulullah, perselisihan Syiah di dalam mazhab-mazhab mereka telah mendukacitakan aku, maka beliau a.s berkata: Wahai Jabir, tidakkah aku telah menerangkan kepada kamu tentang pengertian *ikhtilaf* (perselisihan), dari manakah mereka berselisih faham dan dari manakah mereka berpecah (*tafarraqu*)?

Aku berkata: Ya, wahai anak lelaki Rasulullah, beliau a.s berkata: Janganlah kamu berselisih faham apabila mereka berselisih faham (*ikhtalafu*) wahai Jabir, sesungguhnya orang yang ingkar (*al-Jahid*) Imam zaman sepertilah orang yang mengingkari Rasulullah s.a.w pada hari-harinya, wahai Jabir, dengarlah dan perhatikanlah, maka aku berkata: Teruskanlah, maka beliau a.s berkata: Dengarlah dan perhatikanlah serta sampaikanlah apabila kenderaan anda berhenti. Sesungguhnya Amir al-Mukminin a.s telah memberi khutbah kepada orang ramai di Madinah selepas tujuh hari kematian Rasulullah s.a.w; apabila beliau a.s selesai mengumpul al-Qur'an dan berkata:

Segala puji bagi Allah yang telah menahan segala waham dicapai melainkan dengan kewujudan-Nya dan Dia telah menutupi akal dari memikirkan tentang zat-Nya, kerana ingin menghalangnya dari kesamaran. Dia tidak berbeza dengan zat-Nya, Dia tidak boleh dibahagikan dengan bilangan tentang kesempurnaan-Nya. Dia berjauhan dengan perkara-perkara (*al-Asyiya'*) bukan berlainan tempat, Dia berada padanya bukan secara percampuran, tetapi kerana ilmu-Nya tanpa peralatan. Tiada di antara-Nya dan apa yang diketahuiNya (*ma 'lum*) suatu ilmu selain daripadanya. Jika dikaitkan kepadanya: perkara yang telah berlaku (*kana*) adalah di atas takwil kewujudan-Nya pada azali. Begitu juga jika dikaitkan kepada-Nya: Sentiasa (*lam yazal*), maka ia adalah di atas takwil penapian ketiadaan-Nya (*al-'Adam*). Maha Suci Tuhan dari apa yang dikatakan oleh seorang hamba selain daripada-Nya dan mengambil tuhan selain daripadaNya.

Kami memujiNya dengan segala pujian yang diredaiNya daripada makhluk-Nya dan Dia mewajibkan penerimaannya ke atas diri-Nya. Aku naik saksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah Yang Satu, tiada sekutu baginya. Dan aku naik saksi bahwa Muhammad adalah pesuruh-Nya dan hamba-Nya. Dua syahadah yang mengangkat kalimah dan menggandakan amalan. Timbangan (*mizan*) menjadi ringan tanpanya. Ia menjadi berat dengannya. Dengan kedua-duanyalah kemenangan di syurga, kejayaan daripada neraka, dan melepasi titian. Dengan syahadahlah kamu akan memasuki syurga. Dengan solat kamu akan mendapat rahmat. Justeru itu, perbanyakkanlah selawat ke atas nabi kamu sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Ahzab (33):56 *"Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat ke atas nabi wahai orang-orang yang beriaman, berselawatlah ke atasnya dan ucaplah salam ke atasnya"*

Wahai manusia, tiada kemulian yang lebih tinggi daripada Islam, tiada *karam* (penghormatan) yang lebih mulia daripada takwa, tiada akal yang lebih berperisai daripada warak. Tiada ada orang yang memberi syafaat yang lebih berjaya daripada taubat. Tiada pakaian yang lebih cantik daripada kesihatan. Tiada penjagaan yang lebih baik daripada pengawalannya.

Tiada harta yang dapat menghilangkan kepapaan selain daripada keredaan dan *qana'ah* (memadai apa yang ada). Tiada barang simpanan yang lebih kaya daripada sifat *qana'ah*, barangsiapa yang memadai apa yang ada, maka dia akan mendapat kerehatan. Keinginan kepada sesuatu itu adalah punca kepenatan. Pemonopolian itu adalah kesinambungan kepenatan. Hasad adalah bala agama.

Mementingkan diri adalah punca peningkatan dosa, kezaliman akan membawa kepada kecelakaan. Ketamakan adalah meliputi segala keaifan. Kemungkinan ketamakan yang hampa dan angan-angan yang bohong akan membawa kepada pencegahan dari melakukan kebaikan dan suatu perniagaan yang akan membawa kepada kerugian.

Sesungguhnya orang yang melibatkan diri di dalam sesuatu perkara tanpa melihat kepada kesan-kesannya, maka sesungguhnya ia mendedahkan dirinya kepada keburukan dan seburuk-buruk kalung adalah kalung dosa bagi seorang mukmin.

Wahai manusia, tiada simpanan yang lebih bermanfaat daripada ilmu, tiada kemuliaan yang lebih tinggi daripada budi pekerti. Tiada keturunan yang lebih baik daripada adab. Tiada kepenatan yang lebih rendah daripada kemarahan. Tiada kecantikan yang lebih berseri daripada akal. Tiada keburukan yang lebih buruk daripada pembohongan. Tiada penjagaan yang lebih baik daripada diam. Tiada kehilangan (ghaib) yang lebih hampir daripada kematian.

Wahai manusia, barangsiapa melihat kepada keaifan dirinya, maka tiada masa baginya melihat keaifan orang lain. Barangsiapa yang reda

dengan rezeki Allah kepadanya, dia tidak berdukacita apa yang ada pada tangan orang lain. Barangsiapa yang menghunus pedang kezaliman akan dibunuh dengannya. Barangsiapa yang menggali telaga untuk saudaranya, maka dia akan terjatuh ke dalamnya.

Barangsiapa yang mendedahkan hijab orang lain, maka aurat rumahnya akan didedahkan. Barangsiapa yang terlupa kesilapannya, maka dia akan membesarkan kesilapan orang lain. Barangsiapa yang kagum dengan pendapatnya akan tersesat. Barangsiapa yang berpegang kepada pendapatnya sahaja akan tergelincir. Barangsiapa yang takbur terhadap orang ramai akan terhina. Barangsiapa yang membodohi orang ramai akan dicaci. Barangsiapa yang bercampur dengan orang bawahan akan dihina. Barangsiapa yang menanggung apa yang dia tidak mampu, akan menjadi lemah.

Wahai manusia, tiada harta yang lebih berharga daripada akal. Tiada kefakiran yang lebih parah daripada kejahilan. Tiada penasihat yang lebih daripada nasihat. Tiada akal yang menyamai akal pentadbiran. Tiada ibadat seperti tafakur. Tiada demonstrasi yang lebih dipercayai daripada mesyuarat. Tiada kengerian yang lebih dahsyat daripada takjub kepada diri sendiri. Tiada kewarakan yang lebih baik dari menahan perkara yang diharamkan. Tiada budi pekerti yang lebih baik daripada kesabaran dan diam.

Wahai manusia, Sesungguhnya manusia mempunyai sepuluh sifat yang dizahirkan oleh lidahnya: Yang zahir menceritakan yang batin, yang bijak terserlah di dalam ucapannya, yang bercakap dituntut menjawab, yang memberi pertolongan mengetahui hajat seseorang, yang mencerita sesuatu mengetahui perkara tersebut, yang memerintah memerintah dengan baik, yang memberi nasihat melarang perkara yang buruk, yang mulia dapat menenangkan segala dukacita, yang hadir dapat mendedahkan kezaliman, yang menghibur dapat melazatkan telinga.

Wahai manusia, tiada kebaikan jika berdiam diri dari menceritakan kebenaran sebagaimana tiada kebaikan jika berkata sesuatu yang tidak diketahuinya. Ketahuilah, wahai manusia, sesungguhnya orang yang tidak memiliki lidahnya akan menyesal, barangsiapa yang tidak mengetahui, dia adalah seorang yang jahil. Barangsiapa yang tidak mempunyai budi pekerti tidak akan dilayani. Barangsiapa yang tidak mempunyai tindak balas, maka dia tidak mempunyai akal. Barangsiapa yang tidak mempunyai akal dihina. Barangsiapa yang dihina, tidak akan tenang. Barangsiapa yang tidak tenang akan diburuk-burukkan.

Barangsiapa yang mendapatkan harta bukan haknya, maka dia membelanjakannya tanpa mendapat pahala. Barangsiapa yang ditinggalkan di dalam keadaan dia dipuji, dia akan ditinggalkan di dalam keadaan dia dikeji. Barangsiapa yang tidak memberi kepada orang yang duduk, maka dia akan menghalang orang yang berdiri. Barangsiapa

yang menuntut kemuliaan yang bukan haknya, akan dihina. Barangsiapa yang menang dengan kezaliman akan dikalahkan. Barangsiapa menentang kebenaran akan diikuti kelemahan.

Barangsiapa mendalami sesuatu, dia akan merasa tenang. Barangsiapa merasa takbur, maka dia akan hina. Barangsiapa yang tidak baik di dalam sesuatu perkara , maka dia tidak akan dipuji.

Wahai manusia, sesungguhnya kematian sebelum kehinaan, mempertahankan diri sebelum dibodohi, hisab sebelum balasan, kubur adalah lebih baik daripada kefakiran, merendahkan penglihatan adalah lebih baik dari banyak melihat, masa adalah satu hari untuk kamu dan satu hari ke atas kamu dan apabila ia adalah hari kamu, maka janganlah kamu bergembira. Apabila ianya ke atas kamu, maka bersabarlah, dengan kedua-duanya kamu diuji.

Wahai manusia, perkara yang paling pelik pada diri manusia adalah hatinya. Ia mempunyai perkara-perkara yang bersifat hikmat dan perlawanannya. Justeru itu, jika ia diberi harapan, maka tamak akan menghinannya. Jika tamak menguasainya, maka sifat kepentingan diri akan membinasakannya. Jika perasaan putus asa menguasainya, maka dukacita akan membunuhnya. Jika kemarahan dibentangkan kepadanya, maka ia bertambah marah. Jika ia bergembira dengan penuh keredaan, dia akan terlupa menjaga dirinya.

Jika ketakutan menguasainya, ia akan berhati-hati. Jika keamanan menguasainya, maka kemuliaan diri akan merampasnya. Jika ia menguasai harta, maka kekayaannya akan menzaliminya. Jika kefakiran menguasainya, maka bala akan menimpanya. Jika kelaparan menguasainya, maka ia akan menjadi lemah. Jika ia terlalu kenyang, maka ia akan dikuasai perutnya. Lantaran itu, setiap kecuaian akan mendatangkan kemudaratan dan setiap yang melampaui batas akan merosakkan [sesuatu].

Wahai manusia, Barangsiapa yang lari akan dihina. Barangsiapa yang pemurah akan menjadi ketua. Barangsiapa yang memiliki harta yang banyak akan menjadi ketua. Barangsiapa yang mempunyai budi pekerti akan menjadi mulia. Barangsiapa yang memikir tentang zat Allah akan menjadi kafir zindiq. Barangsiapa yang memperbanyakkan sesuatu, maka dia akan dikenali dengannya. Barangsiapa banyak bersenda gurau, maka dia akan dipandang remeh. Barangsiapa yang banyak ketawa, maka kehibatannya akan hilang.

Orang yang tidak mempunyai budi pekerti akan merosakan maruah agamanya. Sesungguhnya perbuatan yang baik adalah menjaga kehormatan dengan harta. Bukanlah orang yang bergaul dengan orang jahil itu sama dengan orang yang mempunyai akal. Lantaran itu, barangsiapa yang bergaul dengan orang jahil, maka hendaklah dia bersedia tentang apa yang akan dikatakan kepadanya. Orang yang kaya

dengan hartanya tidak akan terlepas daripada kematian. Begitu juga dengan orang yang fakir dengan kefakirannya.

Wahai manusia, sekiranya kematian dapat dibeli, nescaya ia akan dibeli daripada ahli dunia oleh orang kaya dan pencaci yang hina. Wahai manusia, sesungguhnya hati mempunyai tanda-tanda untuk mengetahui seorang pelampau atau seorang yang bijak dan berwaspada daripada bahaya. Hati juga terdedah kepada hawa nafsu, tetapi akal melarang dan menegah. Bagi pengelaman, ilmu yang tersendiri. Teladan membawa kepada petunjuk. Memadailah dengan budi pekerti untuk diri anda laksanakan sekalipun anda tidak menyukainya untuk orang lain. Hak anda ke atas saudara mukmin anda sebagaimana haknya ke atas anda. Sesungguhnya berbahayalah orang yang berpegang kepada pendapatnya sahaja.

Fikirlah sebelum melakukan sesuatu, kerana ia menyelamatkan anda daripada penyesalan. Barangsiapa yang mengalu-ngalukan berbagai pendapat, maka dia mengetahui punca kesalahan. Barangsiapa yang menahan dirinya daripada percakapan yang tidak bermanfaat, maka akalnya akan memperbetulkan pendapatnya.

Barangsiapa yang menjaga syahwatnya, maka dia menjaga kemampuannya. Barangsiapa yang menjaga lidahnya, nescaya kaumnya terselamat daripadanya dan dia akan mendapat hajatnya. Dengan perubahan keadaan, akan diketahui hakikat seseorang, dan hari-hari akan menerangkan kepada anda rahsia-rahsia yang tersembunyi. Tiada orang bersedap-sedapan ketika petir di malam yang gelap. Barangsiapa yang mengetahui hikmat, maka matanya kelihatan tenang dan hebat. Kekayaan yang paling mulia adalah meninggalkan angan-angan.

Kesabaran adalah perisai daripada kefakiran. Tamak adalah alamat kefakiran. Kabakhilan adalah baju kemiskinan. Kasih sayang adalah kerabat yang berguna. Fakir yang peramah itu adalah lebih baik daripada orang kaya yang bersikap dingin. Nasihat adalah gua bagi mereka yang menjaganya. Barangsiapa yang melakukan apa sahaja yang dikehendakinya akan banyak penyesalannya. Masa akan membuatnya bersyukur di atas apa yang menimpanya. Katakanlah apa yang di sedari oleh lidah anda ketika menyibar keburukan atau kebaikan. Barangsiapa yang akhlaknya menyusahkan akan dijemukan oleh keluarganya.

Barangsiapa yang mendapati sesuatu, dia akan melengah-lengahkan masanya. Katakanlah apa yang dibenarkan oleh angan-angan anda. Tawaduk akan membawa kepada kehebatan. Akhlak yang baik adalah gedung rezeki. Berapa ramai orang yang masih di dalam dosanya pada akhir umurnya!. Barangsiapa yang menjadikan malu sebagai pakaian, maka keaifannya akan tersembunyi kepada orang ramai. Tumpukan kata-kata anda, kerana orang yang tepat di dalam kata-katanya, bebannya akan ringan. Kecerdikan anda adalah di dalam menyalahi hawa nafsu anda.

Barangsiapa mengetahui hari-hari, maka dia tidak akan lupa membuat persediaan. Sesungguhnya setiap minuman dan makanan ada perkiraannya. Sesuatu nikmat tidak akan dicapai melainkan dengan hilangnya nikmat yang lain. Setiap pengisian perut itu adalah makanan (*qut*). Setiap bijian ada orang yang memakannya dan anda adalah makanan maut (*wa anta qut al-Maut*). Ketahuilah, wahai manusia, sesungguhnya orang yang berjalan di atas muka bumi akan sampai ke penghujungnya, malam dan siang bersegera untuk menghabiskan umur [manusia]. Wahai manusia, kufur nikmat adalah dicela, persahabatan dengan orang yang jahil dikeji. Di antara sifat mulia itu adalah bercakap dengan sopan dan memberi salam.

Jauhi dari tipu daya, kerana ia adalah daripada akhlak yang dikeji. Bukan semua orang yang mencari akan mendapat apa yang dicarinya dan bukan semua orang yang hilang ditemui. Janganlah anda membenci orang yang berjauhan dengan anda. Kemungkinan orang yang jauh lebih hampir daripada kerabat sendiri. Carilah kawan sebelum berjalan, berjiran sebelum berumah. Sesungguhnya orang yang cepat di dalam perjalanannya, orang akan bercakap mengenainya. Tutupi aurat saudara lelaki anda sebagaimana anda mengetahuinya pada anda.

Maafilah kesalahan sahabat anda, suatu hari musuh anda akan menentang anda kerana memarahi orang yang dia tidak mampu memudaratkannya dahulu. Barangsiapa takut kepada Tuhannya, maka dia akan menahan kezalimannya. Barangsiapa yang tidak ragu-ragu di dalam percakapannya, maka dia akan menzahirkan kemegahannya. Barangsiapa yang tidak mengetahui kebaikan daripada kejahatan, maka dia seperti binatang. Di antara kerosakan itu adalah menghilangkan bekalan. Alangkah kecilnya musibat jika dibandingkan dengan kefakiran esok. Keingkaran kamu adalah disebabkan dosa yang ada pada kamu. Alangkah hampirnya kerehatan daripada kepenatan dan keburukan daripada nikmat.

Tiada kejahatan dengan kejahatan selepasnya syurga dan tiada kebaikan dengan kebaikan selepasnya neraka. Setiap nikmat selain daripada syurga adalah dihina (*mahqur*) dan setiap bala selain daripada neraka adalah afiat. Ketika memperbetulkan hati, akan terserlah dosa-dosa besar. Pembersihan amal adalah lebih sukar daripada amalan. Membersihkan niat daripada kerosakan adalah lebih sukar ke atas pelaku-pelakunya sepanjang jihad. Sekiranya tiada takwa, nescaya aku adalah arab yang paling licik.

Wahai manusia, sesungguhnya Allah t.a telah menjanjikan Nabi-Nya Muhammad s.a.w *al-Wasilah* (jalan) dan menjanjikan kepadanya kebenaran. Allah tidak akan mungkir janji-Nya. Sesungguhnya *al-Wasilah* adalah tangga ke syurga dan kemuncak yang dekat serta kesudahan matlamat cita-cita. Ia mempunyai seribu tangga dan perjalanan kuda dari satu tangga ke tangga yang lain mengambil masa

seratus tahun. Di antara tangga ke tangga yang lain terdapat berbagai-bagai hiasan permata, berlian, jed, mutiara, zamrud, yaqut, delima, emas dan cahaya yang meliputi semua syurga. Rasulullah s.a.w pada masa itu duduk di atasnya berpakaian dengan dua lapisan pakaian. Satu lapisan daripada rahmat Allah dan satu lapisan lagi daripada cahaya Allah. Di atasnya mahkota kenabian dan kerasulan yang menyinari semua tempat dan aku pada hari itu mempunyai kedudukan yang tinggi di bawah darjatnya memakai dua lapisan pakaian. Satu lapisan daripada cahaya dan satu lapisan daripada kapur barus. Sementara para nabi dan para rasul berdiri di atas tangga. Begitu juga dengan pemuka-pemuka sepanjang zaman dan hujah-hujah sepanjang masa tentang keimanan kami. Mereka semua diserikan dengan kelipan cahaya dan penghormatan.

Para malaikat yang hampir dan para nabi yang diutuskan bergembira dengan cahaya-cahaya kami dan kebesaran kami. Di kanan *al-Wasilah* dan di kanan Rasulullah s.a.w awan berkumpul dan suara datang dari arahnya:

Wahai ahli al-Mauqif, berbahagialah orang yang mencintai wasi dan beriman dengan nabi al-Ummiyyi berbangsa Arab. Dan barangsiapa yang kafir, maka neraka adalah tempatnya. Di kiri *al-Wasilah* dan di kiri Rasul s.a.w terdapat bayang dan suara datang dari arahnya:

Wahai ahli al-Mauqif, berbahagialah orang yang mencintai wasi dan beriman dengan nabi al-Umiyyi dan baginya para malaikat yang tinggi. Tiada seorangpun yang berjaya mendapat roh dan syurga melainkan dia berjumpa dengan Penciptanya dengan ikhlas kepada mereka berdua dan mengikuti bintang-bintang mereka berdua. Lantaran itu, percayalah, wahai ahli wilayah Allah dengan keputihan muka-muka kamu, kemuliaan tempat duduk kamu, kemuliaan tempat rujukan kamu dan dengan kemenangan kamu pada hari ini di atas katil-katil yang berhadapan.

Wahai ahli penyelewengan (*al-Inhiraf*), dan ahli penentangan kepada Allah (*al-sadud*), Rasul-Nya, sirat-Nya dan pemuka-pemuka-Nya sepanjang zaman, percayalah dengan kehitaman muka-muka kamu dan kemurkaan Tuhan kamu sebagai balasan di atas apa yang kamu lakukan. Tiada seorang nabi atau rasul yang terdahulu melainkan dia memberitahu kepada umatnya tentang rasul selepasnya dan memberitahu berita gembira tentang Rasulullah s.a.w, berwasiat kepada kaumnya supaya mengikutinya, menjelaskannya di sisi kaumnya supaya mereka mengenalinya dengan sifatnya, mengikutinya di atas syariahnya agar mereka tidak sesat selepasnya.

Justeru itu, orang yang binasa atau sesat adalah selepas diberi peringatan tentang keterangan dan penentuan hujah. Umat-umat mengharapkan kedatangan para rasul dan para nabi kepada mereka. Jika tiada nabi selepas nabi berlaku, maka ia merupakan suatu

musibah yang besar kepada mereka. Lantarn itu, tiada musibah yang lebih besar berlaku seperti musibah Rasulullah s.a.w, kerana Allah telah menamatkan peringatan dengannya, memutuskan hujah di antara-Nya dan makhluk-Nya. Dia telah menjadikannya sebagai pintu-Nya di antara-Nya dan hamba-hamba-Nya serta penguasanya di mana Dia tidak akan menerima mana ibadat dan pengorbanan kepada-Nya melainkan dengan ketaatan kepadanya. Dia berfirman di dalam kitab-Nya Surah al-Nisa'(4): 80 "*Barangsiapa yang mentaati rasul itu, sesungguhnya ia telah mentaati Allah. Dan barangsiapa yang berpaling (dari ketaatan itu), maka kami tidak mengutusmu untuk menjadi pemelihara bagi mereka*"

Maka Dia telah mengiringi ketaatan kepada-Nya dengan ketaatan kepada Rasul-Nya, kemaksiatan kepada-Nya dan kemaksiatan kepada Rasul-Nya sebagai bukti penyerahn-Nya kepadanya. Justeru itu, Rasul-Nya sebagai saksi dari pihak-Nya ke atas mereka yang mengikutinya atau menderhakainya di dalam beberapa ayat di dalam al-Qur'an, mendorong pengikut-pengikutnya supaya menerima seruannya. Antaranya di dalam Surah Ali Imran (3):31"*Katakanlah: Jika kamu(benar-benar) mencintai Allah, ikutilah aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosa kamu*".

Justeru itu, mengikutinya s.a.w adalah mencintai Allah (*mahabbatu l-Lah*), keredaan-Nya adalah pengampunan dosa-dosa, kemenangan yang sempurna dan berhak syurga. Sedangkan berpaling daripada-nya dan menentangnya adalah menentang Allah, menghadapi kemurkaan-Nya, dan jauh daripada-Nya. Lantaran itu, ia berhak neraka sebagaimana firman-Nya di dalam Surah Hud (11):17 " *Dan barangsiapa di antara mereka (orang-orang Quraisy) dan sekutu-sekutunya yang kafir dengan al-Qur'an, maka nerakalah tempat yang diancamkan baginya*" Iaitu keingkaran dan penderhakaan kepada-Nya. Sesungguhnya Allah t.w menguji hamba-hamba-Nya denganku (*imtahana bi 'ibada-hu*), dibunuh musuh-musuh-Nya di tanganku, dan dimusnahkan penentang-penentang-Nya dengan pedangku.

Dia telah menjadi aku hampir kepada para mukminin, ancaman kematian kepada penguasa-penguasa yang zalim. Dia telah memperkuatkan aku untuk menolong Rasul-Nya dan memuliakan aku dengan pertolongan-Nya. Dia telah memuliakan aku dengan ilmunya dan mencintai aku dengan hukum-hukum-nya. Dia telah menentukan aku dengan wasiatnya dan memilih aku mengganti tempatnya pada umatnya. Rasulullah s.a.w bersabda: Orang-orang muhajirin dan ansar berhimpun di sekelilingnya sehingga majlis dipenuhi oleh orang ramai.

Wahai manusia, sesungguhnya Ali adalah daripadaku sepertilah kedudukan Harun di sisi Musa melainkan tiada nabi selepasku". Justeru itu, mukminun terfikir bahawa percakapan Rasul itu adalah daripada Allah, kerana mereka mengetahui bahawa aku bukanlah

saudara lelakinya sama ada di sebelah bapanya atau di sebelah ibunya sebagaimana Harun adalah saudara Musa di sebelah bapanya dan ibunya dan aku pula bukan seorang nabi (*wa la kuntu nabiyyan*) sehingga aku menjadi seorang nabi, tetapi itu semua adalah kerana beliau s.a.w melantik aku sebagai penggantinya sebagaimana Musa telah melantik Harun sebagai penggantinya sebagaimana Musa a.s berkata kepada saudaranya Harun di dalam Surah al-A 'raf (7): 142 "*Gantilah aku dalam (memimpin) kaumku, dan perbaikilah dan janganlah kamu mengikuti jalan orang-orang yang mengikuti kerosakan*" Dan sabdanya s.a.w ketika satu golongan berkata: Kami adalah mewalikan Rasulullah s.a.w. Lalu Rasulullah s.a.w keluar untuk mengerjakan haji Wida', kemudian pergi ke Ghadir Khum.

Beliau s.a.w memerintahkan supaya dibuat minbar, kemudian beliau s.a.w menaikinya. Lalu beliau s.a.w memegang lenganku sehingga dapat dilihat keputihan dua ketiaknya di dalam keadaan meninggikan suaranya sambil bersabda di hadapan orang ramai: Barangsiapa yang menjadikan aku walinya, maka Ali adalah walinya, wahai Tuhanku, hormatilah orang yang menjadikannya wali dan musuhilah orang yang memusuhinya" (*man kuntu maula-hu fa-'Aliyyu maula-hu Allahumma wali man walaa-hu wa 'aadi-man 'aada-h*). Justeru itu, wilayahku adalah wilayah Allah dan permusuhan terhadapku adalah permusuhan terhadap Allah(*kaanat 'ala wilayatii wilayatu l-Lahi wa 'ala adawatii 'adawatu l-Lahi*).

Kemudian Allah telah menurunkan pada hari itu firman-Nya di dalam Surah al-Ma'idah (5): 3 "*Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agama-Ku dan telah Kucukupkan kepada kamu nikmat-Ku dan telah Ku redai Islam itu menjadi agama kamu*". Wilayah aku adalah kesempernaan agama dan keredaan Tuhan (*fa-kaanat wilayatii kamala al-Din wa ridha al-Rabb*). Allah telah menurunkan ayat tersebut khusus mengenaiku, menghormatiku selayaknya dan suatu kelebihan daripada Rasulullah s.a.w tentangku. Dan firman-Nya di dalam Surah al-An'am(6): 62 "*Kemudian mereka dikembalikan kepada Allah, Penguasa mereka yang sebenarnya. Ketahuilah bahawa segala hukum (pada hari itu) kepunyaan-Nya. Dan Dialah pembuat perhitungan yang paling cepat*"

Sekiranya aku menyebut kelebihan-kelebihanku, nescaya orang ramai mempebesar-besarkannya dan akan mengambil masa yang panjang. Sekiranya dua orang yang celaka (*al-Asyqiyaani*) merampas jawatan khalifah daripadaku dan menentangku, maka mereka berdua tidak mempunyai hak dan mereka melakukannya kerana kesesatan mereka (*rakabaa-ha dhalalatan*) serta kepercayaan mereka yang jahil. Lantaran itu, maka ia adalah sejahat-jahat perkara yang mereka kerjakan untuk diri mereka sendiri.

Kemudian mereka berdua pula saling melaknati di antara mereka berdua di dalam peranan mereka berdua (*yatala'anaani fi dauri-hima*).

Seorang daripada mereka membersihkan dirinya daripada yang lain berkata kepada sahabatnya apabila berjumpa: Mudah-mudahan di antara aku dan anda sejauh timur dan barat, maka dia adalah sejahat-jahat sahabat. Maka yang paling celaka pula menjawab: Mudah-mudahan aku tidak pernah mengambil kamu sebagai seorang teman yang akrab. Sesungguhnya kamu telah menyesatkan aku daripada *al-Dhikr* (peringatan) selepas ia mendatangi aku. Dan sesungguhnya syaitan tidak mahu menolong manusia. Maka akulah *al-Dhikr* (peringatan) yang mereka abaikan dan *al-Sabil* (jalan) yang mereka berdua menyimpang daripadanya. Akulah iman yang diingkari, al-Qur'an yang ditinggalkan (*hujira*), *al-Din* (agama) yang dibohongi dan *sirat al-Mustaqim* yang tidak mahu dilalui.

Sekiranya mereka berdua berlumba-lumba bagi mendapatkan habuan dunia dan kilauannya yang sementara, maka mereka bedua akan berada di nereka sejahat-jahat habuan, serugi-rugi delegasi, selaknat-laknat tempat kesudahan. Mereka berdua melaung-laung laknat (*yatasarakhaani bi-l-La'nati*) dan penyesalan yang tidak berkesudahan. Tiada kerehatan bagi mereka berdua daripada azab mereka berdua.

Sesungguhynya mereka (*al-Qaum*) masih menyembah dan memuja berhala-berhala (*inna al-Qaum lan yazaluu 'ubbada al-Authan*). Mereka mengerjaka *manasik*, melakukan korban kepada berhala-berhala dengan berbagai-bagai cara sebagai penghubung dan mengundi nasib dengan panah menentang Allah dengan sengaja. Mereka jauh daripada petunjuk dan dikuasai syaitan serta ditutupi oleh kehitaman jahiliah. Mereka membesar di atas kejahilan dan berakhir dengan kesesatan. Maka Allah telah mengeluarkan kami kepada mereka sebagai rahmat dan kami melayani mereka dengan kasihan belas.

Dengan kamilah Dia menzahirkan cahaya daripada hijab-hijab kepada mereka yang memanfaatkannya, menjadi suatu kelebihan bagi orang yang mengikutinya, sebagai sokongan bagi orang yang membenarkannya. Justeru itu, Dapatkan kemulian selepas kehinaan, banyak selepas sedikit. Hati dan penglihatan mereka menjadi gerun. Penguasa-penguasa yang kejam dan pengikut-pengikut mereka akan menunduk serta bertukar menjadi ahli nikmat tersebut.

Kekeramatan yang senang, keamanan selepas ketakutan, persatuan selepas pertengkaran. Dengan kamilah bersinarnya kemegahan Mu'ad bin 'Adnan, kami bentangkan kepada mereka pintu petunjuk, kami memasukkan mereka Dar al-Salam. Kami pakaikan mereka dengan pakaian keimanan, lalu mereka berjaya kerana kami di alam semesta. Terserlah kesan -kesan kesalihan mereka pada masa Rasulullah s.a.w sebagai mujahid, pelaku solat dan iktikaf yang zuhud.

Mereka menzahirkan sifat amanah dan mengejar pahala sehingga apabila Allah menyeru Nabi-Nya s.a.w dan mengangkatnya kepada-Nya,

maka dengan sekelip mata sahaja mereka kembali ke belakang (kafir). Lantas mereka menimbulkan ketegangan, menzahirkan beberapa kumpulan penentang, merosakan pintu, meninggalkan rumah-rumah. Kemudian mereka mengubah sunah-sunah Rasulullah s.a.w (*ghayyaru aathar Rasulullah*), membenci hukum-hukumnya. Mereka telah jauh daripada cahaya-cahaya-Nya. Lalu mereka menukar penggantinya.

Mereka adalah orang-orang yang zalim. Mereka menyangka bahawa orang-orang yang memilih keluarga Abu Qahafah itu adalah lebih baik daripada *maqam* Rasulullah s.a.w daripada orang yang telah dipilih oleh Rasulullah s.a.w sendiri ke *maqam*nya. Bagi mereka seorang muhajir daripada keluarga Abu Qahafah itu adalah lebih baik dariada seorang muhajir ansar rabbani yang cerdik; Hasyim bin 'Abd Manaf.

Sesungguhnya pembohongan penyaksian pertama (*awwal syahadah al-Zaur*) berlaku di dalam Islam adalah penyaksian mereka bahawa sahabat mereka adalah pengganti Rasulullah s.a.w. Mengenai urusan Sa'd bin 'Ubadah, mereka tidakpun merujuk kepadanya, malah mereka berkata: Sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah pergi dan beliau s.a.w tidak melantik penggantinya (*lam yastakhlif*). Lantaran itu, Rasulullah s.a.w yang baik dan sumber berkat itu dijadikan bahan pembohongan pertama di dalam Islam. Hanya sedikit sahaja yang memahami akibat apa yang diasaskan oleh orang-orang yang terdahulu.

Sekiranya mereka mempunyai pilihan daripada kecuaian, dipanjangkan umur, dilapangkan dari berpaling ke belakang, dapat mengurangkan tipu daya, berada di dalam keadaan yang tenang, mencapai angan-angan, maka sudah tentu Allah telah menangguhkan Syidad bin 'Ad, Thamud bin 'Abud dan Bal'am bin Ba'ur dengan mencucuri ke atas mereka nikmat zahir dan batin, kurniakan kepada mereka harta dan pembangunan yang banyak.

Bumi akan mengeluarkan keberkatannya supaya mereka mengingati nikmat Allah, mengenali kehebatan-Nya, dan bertaubat kepada-Nya. Lantaran itu hendaklah mereka berhenti daripada keangkuhan mereka. Apabila masa mereka tiba, Allah akan mengambil mereka dengan berbagai-bagai cara. Di kalangan mereka ada yang mati secara tertimbus, suara teriakan, terbakar oleh bayang, gegaran dan ditelan bumi sebagaimana firman-Nya di dalam Surah al-Ankabut(29):40 "*Dan Allah sekali-kali tidak hendak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiayai diri mereka sendiri*"

Sesungguhnya setiap ajal ditulis, apabila sampai masanya, jika didedahkan kepada kamu apa yang akan berlaku kepada orang-orang yang zalim dan kepada orang-orang yang paling rugi, nescaya kamu lari kepada Allah a.w daripada perbuatan mereka. Sesungguhnya aku pada kamu, wahai manusia, seperti Harun pada keluarga Fir'aun, seperti pintu taubat pada Bani Israel, seperti bahtera Nuh pada kaum Nuh. Sesungguhnya akulah *al-Naba' al-'Azim* (berita yang besar), *al-Siddiq al-*

Akbar (orang yang paling benar) Sedikit sahaja daripada kamu yang akan mengetahui apa yang dijanjikan. Ia merupakan sesuap makanan yang dimakan (lu'*qati al-Aakil*), seteguk air yang diminum dan satu pukulan yang memeningkan. Kemudian mereka diikuti dengan kehinaan di dunia dan pada hari akhirat akan diazab. Allah tidak pernah lupa apa yang kamu perbuat. Justeru itu apakah balasan orang yang menentang hujah-Nya, menyalahi petunjuk-nya, berpaling daripada cahaya-nya, terlibat di dalam kezaliman terhadapnya, menukarkan air dengan kilauan, nikmat dengan azab, kemenangan dengan kecelakaan, kesenangan dengan kesusahan, kelapangan dada dengan kesempitan. Semuanya sebagai balasan kepada kejahatan perbuatan mereka. Justeru itu, hendaklah mereka yakin dengan janji yang sebenar sebagaimana dijanjikan. Firman-Nya di dalam Surah Qaaf (50):42 *"(Yaitu) pada hari mereka mendengar teriakan dengan sebenar-benarnya, itulah hari keluar (dari kubur).Sesungguhnya kami menghidupkan dan mematikan dan hanya kepada kamilah tempat kembali.(Yaitu) pada hari bumi terbelah-belah menampakkan mereka dengan cepat. Yang demikian itu adalah pengumpulan yang mudah bagi kami"*